

PERSEKITARAN KELUARGA, KONSEP KENDIRI
DAN PERSONALITI TERHADAP PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
HARIAN DI TANAH RANCANGAN FELDA

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MUHAMMAD AZMI BIN ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**PERSEKITARAN KELUARGA, KONSEP KENDIRI DAN PERSONALITI
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
HARIAN DITANAH RANCANGAN FELDA**

MUHAMMAD AZMI BIN ABDULLAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سُلْطَانِ اِبْرَاهِيْمَ اِيْمَانِي
SULTAN ISMAIL IMAN UNIVERSITY

Sila tandai (✓)

Kertas Projek

Serjana Penyelidikan

Serjana Penyelidikan dan Kerja Rumah
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12** (hari bulan) **Julai** (bulan) **2023**

i. Perakuan pelajar:

Saya, **MUHAMMAD AZMI BIN ABDULLAH, P20112001725, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PERSEKITARAN KELUARGA, KONSEP KENDIRI DAN PERSONALITI TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH HARIAN DITANAH RANCANGAN FELDA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. PerakuanPenyelia:

Saya **PROF. MADYA DR HAJI SYED SOFIAN BIN SYED SALIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PERSEKITARAN KELUARGA, KONSEP KENDIRI DAN PERSONALITI TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH HARIAN DITANAH RANCANGAN FELDA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling).

27/7/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"

Tajuk / Title:

PERSEKITARAN KELUARGA, KONSEP KENDIRI DAN
PERSONALITI TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH HARIAN DITANAH
RANCANGAN FELDA

No. Matrik / Matric's No.:

P20112001725

Saya / I:

MUHAMMAD AZMI BIN ABDULLAH

mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan-Kertas-Projek]
(Doktor-Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti
Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaksud dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan / *Contains restricted information as specified by the organization research was done*


☒

TIDAK TERHAD / OPEN



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 29/8/2023



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)



DEDIKASI

Khas buat

Ayah dan Bonda yang disayangi

Allahyarham Haji Abdullah bin Mukim Mat dan Hajah Nor Banon Binti Keri

Yang tidak pernah jemu menitipkan

Doa dan kata-kata semangat buat anakmu ini

Tanpa kalian perjuanganku ini tak mungkin berjaya

Buat isteri tercinta

Noriza binti Hj. Md Noor dan Hartini binti Hj.Othman

Anak-anak Permata Hati Abah

Muhammad Akmal Asyraaf, Nur Aina Sabrina dan Muhammad Mirza faiz

Kekuatan ini hadirnya kalian dalam kehidupan ini

Buat adik beradik yang dikasihi

Yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan

Yang tidak berbelah bagi

Buat rakan-rakan

Terima kasih atas sokongan kalian

Yang sentiasa memberikan buah fikiran dan idea yang bernas

Terima kasih untuk segalanya

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka saya mampu menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Phd.) dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling. Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ybhg. Prof. Madya Dr. Haji Syed Sofian bin Syed Salim selaku Penyelia Utama dan Ybhg. Prof. Dr. Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip selaku Penyelia Kedua yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. In Shaa Allah, segala tunjuk ajar dan penyeliaan yang telah diberikan ini akan memperoleh keberkatan dengan berkembangnya pengetahuan dan sumber ilmu sebagai satu warisan kepada setiap generasi yang akan datang.

Sekalung penghargaan juga kepada semua guru dan staf sokongan di SMK Sungai Koyan, pensyarah dan staf sokongan Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur, sahabat seperjuanganku Dr. Norhisham binti Abdul Razak, Cikgu Azizah binti Kamarudin, Cikgu Rosli Yahaya, Cikgu Joharifudin Jalil, Cikgu Mohammad Che Ibrahim dan rakan sekuliah master dahulu kerana telah banyak membantu, memberi nasihat dan bimbingan yang berguna sehingga penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Dengan kerjasama, bantuan dan sokongan yang diberikan telah memudahkan proses saya menyiapkan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga, terima kasih diucapkan kepada Perpustakaan Al-Khindi, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Dokumentasi Perancangan dan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah banyak membantu saya dalam usaha mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang mempunyai sekolah menengah dalam Tanah Rancangan FELDA iaitu JPN Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak, Johor, Kedah, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah serta pengetua-pengetua sekolah yang membenarkan kajian saya dijalankan di organisasi mereka. Begitu juga kepada semua kaunselor, Guru Bimbingan dan Kaunseling, guru-guru dan Pembantu Tadbir sekolah yang berkesanggupan meluangkan masa dan bekerjasama melengkapkan soal selidik yang diberikan. Tanpa sokongan dan kerjasama dari mereka, mungkin tesis ini tidak dapat disiapkan dan dilengkapkan.



Kepada ayahanda tercinta yang sentiasa dalam doa iaitu Allahyarham Ustaz Hj.Abdullah bin Mukim Mat, bonda tercinta iaitu Bonda Hajah Nor Banon binti Keri, doa kalian semasa hayat masih ada amat saya sanjungi dan hargai dunia akhirat. Moga bonda terus sihat dan buat arwah abah, semoga tenang dan damailah di bawah naungan kasih sayang dan rahmat Allah S.W.T. Tidak lupa juga buat ayahanda Mentua Allahyarham Hj.Md Noor bin Hj.Ahmad dan Allahyarham Hj.Othman bin Ismail serta Ibu Mentua Allahyarhamah Fatimah binti Hassan, Hajah Fatimah binti Abdul Latiff dan Bonda Meryah binti Endat. Moga ayahanda dan bonda semua sentiasa dalam rahmat Allah dan berada dalam kasih sayang Allah selalu.

Buat isteri tercinta iaitu Noriza binti Hj.Md Noor dan Hartini binti Hj.Othman serta anak-anak yang dikasihi iaitu Muhammad Akmal Asyraaf, Nur Aina Sabrina dan Muhammad Mirza Faiz, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang begitu memahami dan banyak bersabardengan kerenah abah serta memberikan dorongan sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Tanpa sokongan dan kekuatan yang diberikan oleh kalian, mungkin semua ini tidak akan terhasil. Kasih sayang serta pelbagai pengorbanan yang telah diberikan oleh kedua isteri tercinta yang Allah pinjamkan amat dihargai dunia dan akhirat. Buat anak-anak abah, jadikanlah perjuangan menuntut ilmu ini sebagai motivasi yang kuat dalam kita mengharungi ujian dalam kehidupan ini.

Tidak lupa penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua adik-beradik saya iaitu abang sulung, Mohd Suhaimi yang terlalu banyak membantu sebagai pengganti arwah abah. Bantuan dari segi kewangan dan semangat amat saya hargai. Begitu juga dengan doa adik-beradik yang lain iaitu kakak Rosmini, Adik Roslina, Roslaini, Asrimi, Pairuz Suhairi, Najib, Fadir dan adik bongsu Ghazali Shafiee. Begitu juga atas doa anak-anak saudara, ipar-duai baik di Pahang mahupun di Pulau Pinang, seluruh keluarga, saudara mara (Kg.Kuala Lanar, Kg.Keledok, Kg.Tempoyang dan Kubang Semang) dan sahabat handai di mana jua berada. Tidak lupa juga buat rakan sekerja di Unit Psikologi dan Kaunseling, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, En.Kamalmukhsar bin Mokhtar, Puan Zawiyah binti Zali dan En. Nor Alias bin Hj.Ali yang tidak jemu turut memberikan perangsang kepada saya bagi menyiapkan dan menyempurnakan tesis ini.

Tidak dilupakan juga dirakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ramlan bin Mustapha, Dr. Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman, Dr. Zamani bin Ibrahim, Dr. Aminuddin bin Mohamed, Dr Mohd Nazri bin Hassan, Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzandan Dr. Ghazali bin Darusalam, Ketua Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang banyak memberikan motivasi, membantu dan meluangkan masa memberi pandangan dan idea yang bernas dalam menghasilkan tesis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan budi baik kalian.

Begitu juga penghargaan yang tidak terhingga juga kepada insan-insan yang turut sama terlibat dalam perjalanan saya termasuk memenuhi prasyarat untuk saya bergraduat dalam sesi pembentangan jurnal di persidangan antarabangsa iaitu di Persidangan Antarabangsa Kaunseling di Universitas Negeri Padang, Padang dan di Persidangan Antarabangsa Kaunseling di Denpasar, Bali, Indonesia. Insan tersebut ialah YH Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakub, Mantan Menteri Besar Pahang, YAB Dato'Sri Hj.Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, YB Dato'Sri Ir.Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, Exco Kerajaan Negeri Pahang,





YH Datuk Seri G. Palanivel, Mantan Ahli Parlimen Cameron Highlands, YH Datuk SeriDr Abdul Fattah bin Abdullah, Presiden Angkasa, Dr Abdul Rasid bin Mohamed Ali, En. Ahmad Daniar bin Ismail, Pn. Nadia Elle binti Md Sazali, Profesor Madya Dr. Nor Azlina binti Hasbullah, Profesor Madya Dr. Siti Rahaimah binti Ali, Dr. Che Anuar bin Che Abdullah, Profesor Madya Dr. Fatimah binti Yusoooff, Profesor Dr. Mansor bin Abu Talib dan Pn. Ruhana binti Eshak.

Akhir sekali, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada 'Ibu Kandung Suluh Budiman' iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi ruang dan peluang kepada saya menjadi salah seorang daripada penimba ilmu dalam organisasi kampus ini. Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak secara langsung atas bantuan dan segala pandangan yang diberikan. Segala yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan yang buruk dan lemah serta serba kekurangan itu datangnya daripada diri saya sendiri.

Wassallam.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian khususnya di Tanah Rancangan FELDA. Seramai 400 orang pelajar dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak berkelompok di 23 buah sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA seluruh Malaysia. Kajian rintis dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan dan kesesuaian soal selidik. Manakala Alpha Cronbach digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach untuk mengukur tahap persekitaran keluarga mempunyai tahap kebolehpercayaan 0.880. Soal selidik berkaitan konsep sendiri diubahsuai daripada Skala Konsep Diri Tennessee daripada Fitts & Wareen (1996) yang mempunyai tahap kebolehpercayaan 0.834. Manakala soal selidik bagi personaliti pelajar pula diubahsuai daripada Soal Selidik Personaliti daripada Eysenck & Eysenck (1975) yang mempunyai tahap kebolehpercayaan 0.532. Reka bentuk kajian ini dijalankan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sepenuhnya bagi mengumpul data. Penganalisan telah dilakukan berdasarkan data yang diperolehi. Data-data mentah seterusnya dianalisis dan diinterpretasikan dalam bentuk huraian dapatan. Berikutnya, dapatan daripada analisis telah digunakan untuk menterjemah dan menjawab semua soalan kajian yang telah dibuat. Ujian korelasi digunakan untuk menganalisis adakah terdapat hubungan antara persekitaran keluarga, konsep diri dan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, ujian-t juga digunakan untuk menganalisis perbezaan antara persekitaran keluarga, konsep diri dan personaliti mengikut jantina dan lokasi. Dapatan kajian ini melalui ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala bagi pemboleh ubah konsep diri dan personaliti menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah persekitaran keluarga, konsep diri dan personaliti mengikut jantina dan lokasi. Kajian yang dilaksanakan mempunyai beberapa implikasi kepada masyarakat Malaysia khususnya kepada ibu bapa dan pihak sekolah termasuk kepada guru bimbingan dan kaunseling. Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai salah satu sumber maklumat tentang perkara yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar masa kini. Penemuan kajian melaporkan tentang bagaimana aspek persekitaran keluarga menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan persekitaran keluarga, konsep diri dan juga kecenderungan personaliti pelajar yang positif dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik mereka.



FAMILY ENVIRONMENT, SELF-CONCEPT AND PERSONALITY ON ACADEMIC ACHIEVEMENT OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN DAILY FELDA PLANNING LAND

ABSTARCT

This study aims to identify the relationship between family environment, self-concept, and personality with academic achievement among daily secondary school students, especially in the FELDA Plantation Area. A total of 400 students were selected based on the cluster random sampling method in 23 daily secondary schools in the FELDA Plantation Area throughout Malaysia. A pilot study was conducted to see the reliability and appropriateness of the questionnaire. While Cronbach's Alpha is used to measure the reliability of the questionnaire. Cronbach's Alpha reliability value to measure the level of the family environment has a reliability level of 0.880. The questionnaire related to self-concept was modified from the Tennessee Self-Concept Scale from Fitts & Wareen (1996) which has a reliability level of 0.834. While the questionnaire for student personality was modified from the Personality Questionnaire from Eysenck & Eysenck (1975) which has a reliability level of 0.532. The design of this study was carried out through a survey method using a full questionnaire to collect data. Analysis was done based on the data obtained. The raw data is then analyzed and interpreted in the form of a description of the findings. Next, the findings from the analysis were used to translate and answer all the research questions that had been made. Correlation tests are used to analyze whether there is a relationship between family environment, self-concept, and personality with students' academic achievement. In addition, a t-test was also used to analyze the differences between family environment, self-concept, and personality according to gender and location. The findings of this study through correlation tests show that there is a significant relationship between the variables of the family environment and the academic achievement of students. While the variables of self-concept and personality show that there is no significant relationship with the academic achievement of students. In addition, the t-test analysis showed that there was no significant difference between the variables of family environment, self-concept, and personality according to gender and location. The study carried out has several implications for the Malaysian community, especially for parents and schools including guidance and counseling teachers. The results of this study can be used as one of the sources of information about things that contribute to the academic achievement of today's students. The findings of the study report on how aspects of the family environment contribute to the academic achievement of students. Therefore, several suggestions have been put forward to improve the family environment, self-concept, and also positive personality tendencies of students to improve their academic achievement.

**SENARAI KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	viii
ABSTARCT	ix
SENARAI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Permasalahan kajian	19
1.4 Kerangka Kajian	30
1.5 Tujuan Kajian	32
1.6 Objektif Kajian	33
1.7 Persoalan Kajian	35
1.8 Hipotesis Kajian	36
1.9 Rasional Kajian	38
1.10 Kepentingan Kajian	40



1.11	Skop Kajian	49
1.12	Batasan Kajian	49
1.13	Definisi Konsep dan Operasional	50
1.13.1	Persekitaran Keluarga	51
1.13.1.1	Definisi Konsep	51
1.13.1.2	Definisi Operasional	53
1.13.2	Konsep Kendiri	58
1.13.2.1	Definisi Konsep	58
1.13.2.2	Definisi Operasional	59
1.13.3	Personaliti	67
1.13.3.1	Definisi Konsep	67
1.13.3.2	Definisi Operasional	72
1.13.4	Pencapaian Akademik	76
1.13.4.1	Definisi Konsep	76
1.13.4.2	Definisi Operasional	78

1.14	Rumusan	79
------	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 81

2.1	Pendahuluan	81
2.2	Kerangka Teori	83
2.3	Persekitaran Keluarga	85
2.3.1	Teori Ekologi Pembangunan Manusia	90
2.3.2	Teori Sistem Keluarga	95
2.3.3	Model Keteguhan Keluarga	98
2.4	Konsep Kendiri	100
2.4.1	Teori-Teori Konsep Kendiri	100
2.4.2	Teori Karen Horney	102
2.4.3	Jenis-jenis Konsep Kendiri	102

2.4.3.1	Konsep Kendiri Positif	103
2.4.3.2	Konsep Kendiri Negatif	105
2.4.4	Teori Hierarki Keperluan Maslow Sebagai Model Kajian Konsep Kendiri	106
2.4.5	Penggunaan Teori Hierarki Keperluan Maslow	108
2.5	Personaliti	112
2.5.1	Teori-Teori Personaliti	114
2.5.1.1	Teori Personaliti Hans J. Eysenck	115
2.5.2	Teori Psikodinamik	118
2.5.3	Teori Situationisme	119
2.5.4	Teori Humanisme	119
2.5.5	Teori Interaksionisme	120
2.5.6	Teori Trait	121
2.5.7	Teori Personaliti Sigmund Freud	122
2.5.8	Teori Personaliti Karen Horney	123
2.6	Pencapaian Akademik	124
2.6.1	Teori Keperluan Kepada Pencapaian (McClelland)	124
2.7	Kajian-kajian Lepas	125
2.7.1	Kajian Persekitaran Keluarga dengan Pencapaian Akademik	125
2.7.2	Kajian Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	157
2.7.3	Kajian Personaliti dengan Pencapaian Akademik	173
2.8	Kesimpulan	179
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	181
3.1	Pendahuluan	181
3.2	Reka Bentuk Kajian	183
3.2.1	Reka Bentuk Kerja	188

3.3	Prosedur Kajian	191
3.4	Populasi Kajian	194
3.5	Sampel Kajian	195
3.6	Instrumen Kajian	198
3.6.1	Bahagian A: Soal Selidik Latar Belakang Responden dan Keluarga	203
3.6.2	Bahagian B: Soal Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee	204
3.6.3	Bahagian C: Soal Selidik Inventori Personaliti	207
3.6.4	Bahagian D: Soal Selidik Persekitaran Keluarga	208
3.6.5	Bahagian E: Soal Selidik Pencapaian Akademik	209
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	210
3.8	Tatacara Analisis Data	211
3.9	Kajian Rintis	213
3.10	Kesahan Pakar (<i>Content Validity</i>)	215
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	216
3.11.1	Soal Selidik Persekitaran Keluarga	216
3.11.2	Soal Selidik Skala Konsep Kendiri Tennessee	217
3.11.3	Inventori Personaliti Junior Eysenck (JEPI)	218
3.12	Kesahan Muka	220
3.13	Kesahan Kandungan	222
3.14	Tempat Kajian	223
3.15	Kesimpulan	226
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	228
4.1	Pendahuluan	228
4.2	Profil Responden	230
4.2.1	Jantina Responden	231
4.2.2	Lokasi Sekolah Responden	232

4.3	Analisis Penapisan Data	232
4.3.1	Analisis Kehilangan Data (<i>Missing Value</i>)	232
4.3.2	Analisis Data Terpencil	233
4.4	Ujian Andaian Multivariat	236
4.4.1	Ujian Kenormalan Data	236
4.4.1.1	Ujian Normaliti Data (Ujian Skewnes dan Kurtosis)	237
4.4.1.2	Ujian Multikolineariti	238
4.4.1.3	Ujian Common Method Bias (Item bertindan)	239
4.5	Analisis Deskriptif	240
4.6	Analisis Statistik Inferensi	242
4.7	Analisis Perbezaan (<i>Test of Difference</i>)	244
4.8	Kesahan Konstruk (CFA)	256

BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	262
5.1	Pengenalan	262
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	263
5.2.1	Persekitaran Keluarga	268
5.2.2	Persekitaran Keluarga dengan Pencapaian Akademik	269
5.2.3	Perbezaan Persekitaran Keluarga dengan Jantina	287
5.2.4	Persekitaran Keluarga dengan Lokasi Sekolah	290
5.2.5	Konsep Kendiri dengan Jantina	299
5.2.6	Konsep Kendiri dengan Lokasi Sekolah	305
5.2.7	Personaliti	308
5.2.8	Personaliti dengan Jantina	310
5.2.9	Personaliti dengan Lokasi Sekolah	314

5.3	Rumusan Dapatan Kajian	315
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	317
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	324
5.6	Rumusan	326
RUJUKAN		328
LAMPIRAN		357

**SENARAI JADUAL**

No.Jadual		Halaman
1.1	Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) SMK Felda Sungai Koyan	19
3.1	Senarai Sekolah Menengah Serta Bilangan Responden Kajian Bagi Semenanjung Malaysia	196
3.2	Senarai Sekolah Menengah Serta Bilangan Responden Kajian Bagi Negeri Sabah	197
3.3	Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie dan Morgan(1970)	198
3.4	Konsep Kendiri	205
3.5	Jadual Spesifikasi Item SKKT	206
3.6	Skor Soal Selidik Bahagian B	206
3.7	Pembahagian Item Berdasarkan Personaliti	207
3.8	Pemarkahan Item Bahagian C	208
3.9	Skor Soal selidik Bahagian D	209
3.10	Skor Soal selidik Bahagian E	209
3.11	Ringkasan Pengujian Statistik Hipotesis Kajian	212
3.12	Jadual Klasifikasi Kekuatan Korelasi	213
3.13	Kebolehpercayaan Soal Selidik	215
3.14	Rujukan Pakar	220
3.15	Jadual Skor Menilai I-CVI	221
3.16	Sampel Kajian	224
4.1	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	231
4.2	Analisis Lokasi Sekolah Responden	232
4.3	Hasil Analisis z Score.	234



4.4	Nilai R^2 Sebelum Proses Pembuangan Data Terpencil	235
4.5	Data Terpencil (Case Number)	235
4.6	Nilai R^2 Selepas Proses Pembuangan Data Terpencil	235
4.7	Hasil Analisis Skewnes dan Kurtosis	237
4.8	Hasil Analisis Ujian Multikolneariti	238
4.9	Hasil analisis Harman Single Factor	239
4.10	Analisis Jantina Responden	241
4.11	Analisis Lokasi Sekolah Responden	241
4.12	Korelasi Min Persekitaran Keluarga dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.	244
4.13	Korelasi Min Konsep Kendiri dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.	245
4.14	Korelasi Min Personaliti dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.	246
4.15	Statistik Persekitaran Keluarga Mengikut Jantina	247
4.16	Analisis Perbezaan di antara Persekitaran Keluarga Mengikut Jantina Pelajar	248
4.17	Statistik Persekitaran Keluarga Mengikut Lokasi Sekolah	249
4.18	Analisis Perbezaan di antara Persekitaran Keluarga Mengikut Lokasi Sekolah Pelajar	250
4.19	Statistik Kendiri Mengikut Jantina	251
4.20	Analisis Perbezaan di antara Kendiri Mengikut Jantina Pelajar	251
4.21	Statistik Kendiri Mengikut Lokasi	252
4.22	Analisis Perbezaan di antara Kendiri Mengikut Lokasi Pelajar	252
4.23	Statistik Personaliti Mengikut Jantina	253
4.24	Analisis Perbezaan di antara Personaliti Berdasarkan Jantina Pelajar	254

4.25	Statistik Personaliti Mengikut Lokasi Sekolah	255
4.26	Analisis Perbezaan di antara Personaliti Berdasarkan Lokasi Sekolah Pelajar	255
4.27	Kesahan Konstruk (Convergence Validity)	258
4.28	Kesahan Diskriminan (Fornel & Larker Criterion)	259
4.29	HTMT (Heterotrait-Monotrait Ratio)	260

**SENARAI RAJAH**

No.Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Kajian	30
3.1	Komponen reka bentuk kerja (working design) kajian yang dijalankan oleh pengkaji berpandukan reka bentuk Wiersma (1991)	189
3.2	Prosedur Kajian	193
4.1	Keputusan Analisis Kehilangan Data	233
4.2	Model Pengukuran (Measurement Model)	258



SENARAI SINGKATAN

(F)	Felda
ANOVA	Analisis Varian
B	Benar
Bil.	bilangan
CFA	Kesahan Konstruk
DIP.	Diploma
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
HTMT	Ujian Heterotrait Monotrait
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JEPI	Junior Eysenck Personaliti Inventory
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBI	Parental Behaviour Inventory
PLS	Partial Least Squares
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SB	Sangat Benar
SKKT	Skala Konsep Kendiri Tennessee
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

TB	Tidak benar
TP	Tidak Pasti
TTBS	Tidak Benar Sama Sekali
TV	Televisyen

SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- C Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Pahang
- D Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Kedah
- E Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Kelantan
- F Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Negeri Sembilan
- G Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Johor
- H Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Perlis
- I Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Perak
- J Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Terengganu
- K Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Selangor
- L Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) JPN Sabah
- M Surat Kebenaran Daripada Sekolah Menengah Kebangsaan FELDA Neram, Terengganu
- N Surat Kebenaran Daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Soeharto, Selangor
- O Output Korelasi
- P Analisis SPSS Kajian



BAB 1

PENGENALAN



Bab ini akan membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, kerangka kajian, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi konsep dan definisi operasional kajian dan akhir sekali ialah rumusan kajian.

1.2 Latar belakang kajian

Pelajar hari ini merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara





keseluruhannya. Oleh yang demikian, pembinaan generasi muda harus difokuskan kepada pembentukan manusia yang berkualiti dengan memiliki jati diri yang mampu menempuh segala cabaran dalam kehidupan. Ketidakprihatinan ini akan menjejaskan pembangunan negara kerana para pelajar di bangku sekolah sekarang merupakan aset utama negara dan bakal menentukan corak masyarakat pada masa hadapan. Oleh sebab tahap pendidikan menentukan maju atau mundurnya sesebuah negara, maka kerajaan terus mengutamakan pembiayaan institusi pendidikan.

Tahap negara maju di sesebuah negara dikenal pasti dari pembangunannya dalam sektor pendidikan sesebuah negara tersebut. Oleh yang demikian, Malaysia mengatur strategi meninggikan status sosial dan ekonomi negara melalui pendidikan. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan pembentangan Bajet 2022 yang bertemakan ‘Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera’. Bajet ini mendukung tiga paksi utama iaitu memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan. Berteraskan inisiatif 3 iaitu pendidikan berkualiti untuk semua. Bajet ini kekal mengutamakan pendidikan sebagai segmen terpenting perbelanjaan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus menerima peruntukan terbesar iaitu sejumlah 52.6 bilion ringgit atau 16 peratus daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan Persekutuan. Sementara itu, Kementerian Pengajian Tinggi bakal diperuntukkan sejumlah 14.5 bilion ringgit. Bagi tahun 2022, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan Bantuan Awal Persekolahan sebanyak 150 ringgit iaitu meningkat berbanding 100 ringgit sebelum ini. Sejumlah 450 juta ringgit diperuntukkan yang dijangka memanfaatkan 3 juta murid-murid yang layak. Sejak negara mencapai kemerdekaan Sistem Pendidikan Kebangsaan telah mengalami perubahan terhadap





kemajuan dan pemantapan selaras dengan kemajuan ekonomi, sosial dan politik negara.

Berdasarkan peruntukan di atas, jelas memperlihatkan bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap pendidikan rakyat, tidak kira di kawasan bandar atau luar bandar. Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar telah menerima banyak projek dan kemudahan. Ini bertujuan agar para pelajar di kawasan luar bandar berpeluang menikmati segala kemudahan pendidikan seperti mana yang dinikmati oleh rakan-rakan mereka di kawasan bandar. Antara projek dalam pembinaan dan yang telah siap dibina adalah projek makmal komputer, asrama desa dan bangunan-bangunan baru. Perhatian yang serius diberikan oleh pihak kerajaan ke atas sektor pendidikan terutamanya terhadap sekolah-sekolah di kawasan luar bandar adalah selaras dengan usaha-usaha pendemokrasian pendidikan.

Pendemokrasian pendidikan ini bererti semua rakyat berhak mendapat peluang pendidikan yang sama, tidak kira sama ada mereka belajar di sekolah bandar ataupun di sekolah luar bandar. Melihat kepada fenomena masalah kemiskinan pelajar luar bandar, usaha telah diambil oleh pihak kerajaan. Antara usaha yang dilakukan ialah mewujudkan Tabung Pelajar Miskin. Tujuan utama tabung ini ialah untuk membantu pelajar-pelajar miskin membeli buku teks, menjelaskan yuran, membeli pakaian seragam, belanja makan minum dan tambang pengangkutan. Bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar miskin ini khususnya kepada pelajar luar bandar, kerajaan menimbangkan untuk memberi *voucher* tuisyen kepada anak-anak keluarga miskin bagi membolehkan mereka mendapat tuisyen daripada guru-guru yang sanggup memberi tuisyen khas di luar waktu sekolah.





Harapan, peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh sistem pendidikan di negara kita semakin hari semakin mencabar. Setiap warganegara tidak kira tinggal di bandar, luar bandar mahupun di pedalaman mengharapkan anak-anak mereka mendapat markah yang cemerlang dalam peperiksaan yang diduduki. Ini kerana kecemerlangan dalam peperiksaan dijangka membolehkan seseorang itu mendapat pekerjaan yang mendatangkan pendapatan lumayan. Keadaan ini amat sesuai dengan ekonomi moden yang dilaksanakan di negara ini (Ting, 2003).

Pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang pelbagai kekangan dan cabaran yang melanda pelajar dewasa ini. Sama ada disedari atau tidak, perkembangan ini semakin meningkat dari hari ke hari dan secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Azizi (2000), menyatakan bahawa sejak kebelakangan ini, sering didengari bahawa terdapatnya kemerosotan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar khususnya dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Kemerosotan ini sering dikaitkan dengan sikap mereka seperti tidak berminat atau dengan mengatakan bahawa bahasa Inggeris itu susah. Faktor keluarga turut memainkan peranan yang sangat penting berkaitan kemerosotan tersebut. Bagaimana sikap, bimbingan, ekonomi, latar belakang pendidikan dan minat keluarga terhadap pembelajaran juga amat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di sekolah. Perkara ini tidak terkecuali melanda di sekolah-sekolah di Tanah rancangan FELDA. Ekoran daripada itu membuatkan pengkaji berminat untuk membuat kajian berkaitan pencapaian akademik khususnya yang berlaku terhadap para pelajar dalam masyarakat di FELDA.



Menurut Izzatur (2017), menjelaskan bahawa salah satu fungsi dan tugas ibu bapa adalah mengasuh dan mendidik anak-anak mereka ke arah yang lebih baik. Ibu bapa merupakan kunci utama dalam seluruh aspek pembinaan kanak-kanak dan seterusnya akan menyumbang kesan yang sangat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran apabila mereka dewasa kelak. Dengan perkataan lain, masa hadapan anak-anak, sama ada baik ataupun buruknya bergantung pada bagaimana keluarga tersebut memberikan pendidikan dan pengasuhan kepada mereka. Keluarga merupakan faktor yang sangat berpengaruh kepada pembelajaran pelajar. Keadaan sosioekonomi yang diukur meliputi faktor-faktor seperti sikap ibu bapa terhadap pendidikan, aspirasi mereka terhadap anak, aktiviti-aktiviti yang merangsang perkembangan intelek dalam keluarga akan didapati bahawa hubungan antara sosioekonomi dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah adalah kuat.

Persoalan dalam kajian ini merangkumi adakah faktor sendiri pelajar dan personaliti pelajar yang menggugat kedudukan diri sendiri sebagai seorang pelajar yang cemerlang dalam akademik dan bagaimana pula dengan pengaruh persekitaran keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar. Maka adalah menjadi objektif utama kepada kajian ini untuk melihat dengan lebih dekat sama ada terdapat perkaitan di antara pemboleh ubah persekitaran keluarga, pemboleh ubah konsep sendiri dan pemboleh ubah personaliti pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar dalam menentukan kecemerlangan pencapaian akademik seseorang pelajar.

Azizi (2000), menyatakan dalam kajiannya bahawa minat keluarga adalah faktor yang paling berhubung kait dengan pencapaian akademik pelajar. Sekiranya ibu bapa dapat menunjukkan minat seperti sering berbincang dengan anak-anak



mereka tentang pelajaran walaupun tidak secara khususnya harus memberi tunjuk ajar kepada anak mereka dalam isi kandungan mata pelajaran, pelajar akan merasakan pelajarannya diambil perhatian oleh ibu bapa mereka. Secara langsung dan tidak langsung, ibu bapa memindahkan nilai-nilai kehidupan mereka seperti mementingkan pembelajaran dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa merupakan orang-orang yang signifikan kepada pelajar yang diidentifikasi oleh pelajar pada masa perkembangan mereka dalam mencari identiti mereka.

Pendidikan merupakan peristiwa kekeluargaan kerana semakin besarnya penglibatan keluarga dalam pembelajaran anak-anak maka semakin besar pula kemungkinan pelajar akan memperoleh kualiti pendidikan yang tinggi. Pihak sekolah dan badan-badan yang lain dapat menganjurkan pelbagai ceramah kepada ibu bapa tentang kemahiran berkomunikasi dengan anak-anak, meningkatkan hubungan ibu bapa dan anak, perkembangan anak dan sebagainya. Selain itu, guru-guru di sekolah juga seharusnya memperoleh latihan teori dan praktikal tentang bagaimana melibatkan ibu bapa dalam program pendidikan di sekolah. Dengan adanya usaha dan perhatian dari pelbagai pihak, matlamat dan tujuan pendidikan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Keluarga memainkan peranan yang kritikal dalam pendidikan. Keluarga dapat menentukan kehadiran, bahan-bahan bacaan, membatasi masa menonton TV dan mengadakan kegiatan-kegiatan yang berunsurkan pembelajaran (Azizi, 2000).

Masyarakat kini meletakkan nilai yang tinggi terhadap kecemerlangan pencapaian akademik. Ini disebabkan oleh pengharapan ibu dan bapa yang inginkan anaknya berjaya dalam bidang pelajaran. Kemudahan dan peluang luas terbuka,





asalkan pelajar mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan akademik. Selain itu, pembangunan negara dalam bidang ekonomi memerlukan tenaga pekerja yang mahir dan profesional dalam bidang masing-masing. Oleh yang demikian, pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik khususnya mempunyai peluang yang amat baik untuk memperoleh pendidikan tinggi. Dengan memperoleh pendidikan tinggi, seseorang itu boleh mendapat mobiliti sosial secara menegak kerana hakikatnya, kelulusan akademik mempunyai korelasi yang tinggi dengan pendapatan dan seterusnya taraf hidup (Hussein, 1993).

Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk memanusiakan manusia haruslah diberikan keutamaan dalam hal ini. Falsafah Pendidikan Negara juga bertanggungjawab melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik dan seimbang, berketerampilan, berakhlak mulia serta patuh kepada Tuhan. Hal ini tidak menjadi masalah kerana kurikulum sekolah menengah dan sekolah rendah di Malaysia adalah berlandaskan falsafah ini. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, sistem persekolahan formal akan dapat melahirkan insan yang mempunyai sahsiah terpuji dan peribadi yang baik.

Generasi muda adalah golongan yang akan menerajui pucuk pimpinan negara. Memandangkan hal yang demikian, pembinaan generasi muda haruslah difokuskan kepada membentuk mereka menjadi manusia yang berkualiti dengan memiliki personaliti yang mampu berjaya dan mempunyai konsep sendiri yang tinggi. Sistem pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi dan pemimpin pada masa akan datang. Oleh itu, sekolah adalah menjadi tempat utama dalam membentuk dan menghasilkan pelajar yang bukan sahaja bijak tetapi juga





berwibawa, berkarisma dan berketerampilan untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Menurut Faridah dan Rosly (2017), kelompok pelajar pintar adalah kelompok yang seharusnya tidak perlu disia-siakan memandangkan bakat dan kebolehan, pemupukan dan perkembangan pemikiran kreatif dan kritis dimiliki oleh mereka. Perkembangan pelajar dari aspek kreativiti perlu diberi perhatian. Peluang dan ruang untuk berkeaktiviti yang diberikan secara tidak langsung akan menyerlahkan bakat dan kebolehan pelajar tersebut.

Aspek yang sangat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ialah persekitaran keluarga mereka (Siti Rahimah, 2000). Ini adalah kerana ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab membentuk asas-asas perkembangan personaliti anak-anak. Pada hakikatnya, personaliti pelajar telah pun terbentuk dan ditegakkan oleh anggota keluarga sebelum mereka memasuki sesebuah institusi pendidikan. Pengaruh sekolah hanyalah sekadar memperteguhkan sifat-sifat yang terdapat pada mereka dan dipraktikkan atau membetulkan aspek yang tidak diterima ramai. Cara dan gaya ibu bapa menguruskan keluarga juga turut menjadi faktor yang menyumbang kepada kemampuan penyesuaian dan pencapaian akademik anak-anak. Kajian-kajian yang dijalankan (Abdul Rahman, 2002) menunjukkan bahawa persekitaran keluarga mempunyai kesan positif terhadap pencapaian akademik pelajar.





Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesinambungan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada mereka. Di bahu mereka inilah terletak seribu satu tugas dan cabaran dalam membangunkan masyarakat agar dapat berdaya saing setanding dengan negara lain yang pesat berkembang dalam pelbagai aspek kehidupan. Merekalah yang akan keluar sebagai bakal pemimpin dan tenaga profesional ataupun juga disebut sebagai modal insan yang penting ke arah menyumbang kepada kemajuan negara. Mereka sering digambarkan sebagai model golongan terpelajar yang sering dijadikan contoh dalam masyarakat. Oleh kerana itu, sekiranya mereka mampu menguasai ilmu yang dipelajari dan mampu mengaplikasikannya dalam masyarakat, sudah pasti masyarakat tersebut dapat berkembang dan membangun, di samping dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.



Namun begitu, untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak sebenarnya faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar. Kecemerlangan akademik juga perlu seiring dengan kecemerlangan aspek-aspek yang lain seperti latar belakang keluarga, konsep sendiri dan personaliti kerana secara tidak langsung ia banyak membantu ke arah pencapaian akademik yang cemerlang.

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat pelajar ialah keluarga mereka. Keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa.





Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa keluarga yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku dan pencapaian akademik. Oleh itu, usaha ke arah pemantapan institusi kekeluargaan dipercayai merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah dalam kalangan pelajar masa kini. Kebanyakan masalah yang dialami oleh pelajar kini sebahagian besarnya bertitik tolak daripada institusi keluarga pelajar itu sendiri di mana kepincangan yang wujud daripada institusi keluarga akan membawa kepada pelbagai kesan negatif terhadap pelajar tersebut.

Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam kehidupan seseorang dan ia menyentuh kehidupan manusia dari semasa ke semasa. Seseorang bayi yang baru dilahirkan juga akan mengalami proses pendidikan dalam kehidupannya sepanjang hayat. Manakala prestasi pencapaian akademik pelajar adalah berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada mata nilai yang tertinggi yang dapat dikumpul. Oleh itu, pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik merupakan idaman setiap insan yang bergelar pelajar. Pencapaian akademik yang cemerlang dapat mempengaruhi masa depan pelajar kerana dengan adanya kelulusan yang cemerlang, akan menjamin pekerjaan yang baik, pendapatan yang terjamin dan kedudukan sosial yang lebih baik. Pencapaian akademik yang tinggi bagi seseorang pelajar adalah menjadi kebanggaan dan harapan sekolah, ibu bapa, keluarga dan pelajar itu sendiri.





Mok (2002), ibu bapa mempunyai harapan yang tinggi terhadap pencapaian persekolahan anaknya. Dorongan oleh ibu bapa kepada anak-anak memainkan peranan yang penting dalam mendorong anaknya berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencapai prestasi yang tinggi di sekolah sama ada dalam bidang kurikulum mahupun ko-kurikulum. Perasaan empati terhadap keadaan anak-anak dapat membantu mereka mengembangkan kebolehan dengan sebaik mungkin. Ibu bapa yang bersikap empati dan faham mengenai naluri anak-anak akan dapat membantu meningkatkan keazaman anak-anak untuk melakukan eksplorasi dan bereksperimen tanpa kekangan. Dari segi konsep sendiri pelajar pula, sebenarnya bagi melahirkan generasi yang berkeyakinan, berwibawa dan berketerampilan dalam menangani kehidupan memerlukan asasnyanya iaitu pembentukan konsep sendiri yang positif. Menurut Ainon (2003), tingkah laku seseorang itu amat dipengaruhi oleh konsep kendirinya. Konsep sendiri seseorang membentuk tingkah laku seseorang. Sekiranya seseorang itu berkonsep sendiri negatif, ia akan membentuk tingkah laku yang negatif. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu mempunyai tanggapan bahawa beliau adalah seorang yang tidak berani bercakap di khalayak ramai maka sampai bila-bila pun beliau tidak akan berkeyakinan dalam memberi ucapan di khalayak ramai. Berdasarkan keadaan itu, seseorang itu hanya mengubah tingkah laku sesudah ia mengubah konsep sendiri terlebih dahulu.

Pembangunan modal insan penting untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi menyokong perkembangan ekonomi negara. Bagi merealisasikan aspirasi negara ini, pembangunan konsep sendiri khususnya pelajar penting bagi melahirkan generasi yang memiliki personaliti yang baik. Malah salah satu fokus daripada dasar kerajaan dalam pembangunan modal insan adalah untuk





menambah baik kualiti pendidikan bagi meningkatkan keberhasilan pelajar dan kecemerlangan institusi pendidikan.

Mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah memperkenalkan konsep modal insan dengan harapan masyarakat Malaysia dan generasi akan datang mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang pekerjaan yang baharu, selain berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran yang sering berubah-ubah. Untuk itu, pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti dan berterusan dapat memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri kerana Malaysia berhasrat untuk menjadi negara maju dan berdaya saing di peringkat dunia. Oleh yang demikian, pembentukan konsep sendiri penting kepada pelajar sebagai generasi penerus bangsa. Sekiranya seseorang individu itu menerima dirinya secara positif, mereka akan melihat diri mereka sebagai mempunyai sifat-sifat yang positif seperti berkeyakinan, gembira, berkemampuan dan sebagainya.

Mengikut Rogers (1979) pula, menyatakan bahawa konsep sendiri adalah sebagai organisasi dinamik seseorang yang mengandungi persepsi, konsep, nilai, matlamat dan idea yang menentukan cara seseorang itu patut bertingkah laku berdasarkan fikiran orang lain tentang dirinya.

Kajian mengenai konsep sendiri telah meningkatkan minat para penyelidik dalam bidang psikologi. Walaupun terdapat banyak kajian yang dikhaskan untuknya, sukar untuk menjumpai hasil kajian yang sependapat, menerima definisi istilah konsep diri, memandangkan ia telah didekati dari teori yang berbeza perspektif.





Walaupun begitu, terdapat perbezaan persetujuan antara penyelidik terhadap istilah konsep sendiri yang mempunyai sifat pelbagai dimensi. Konsep sendiri dianggap merangkumi pelbagai dimensi, kawasan atau aspek, sebahagiannya lebih berkaitan dengan aspek keperibadian tertentu (fizikal, sosial, emosi), sementara yang lain nampaknya lebih berkaitan dengan pencapaian akademik yang berbeza bidang dan mata pelajaran. Kepentingan konsep sendiri berpunca daripada sumbangan kepentingannya dalam pembentukan keperibadian. Harga diri mempunyai kaitan dengan kecekapan sosial, kerana ia mempengaruhi bagaimana perasaan seseorang itu, bagaimana mereka berfikir, belajar, menghargai dirinya sendiri, berhubungan dengan orang lain, dan akhirnya, bagaimana dia berkelakuan.

Konsep sendiri seseorang juga disebut pembinaan diri, identiti diri, atau perspektif diri adalah koleksi kepercayaan mengenai diri sendiri yang merangkumi elemen seperti prestasi akademik, peranan jantina dan seksualiti, dan identiti kaum. Secara amnya, konsep sendiri merangkumi jawapan kepada "Siapa saya?" Konsep diri seseorang terdiri daripada skema diri, dan masa lalu, masa kini, dan masa depan mereka. Konsep sendiri dapat dibezakan dari kesedaran diri, yang merujuk kepada sejauh mana pengetahuan diri ditentukan, konsisten, dan saat ini berlaku untuk sikap dan kecenderungan seseorang. Konsep sendiri juga berbeza dengan harga diri: konsep sendiri adalah komponen kognitif atau deskriptif dari diri seseorang (contoh: "Saya seorang pelari yang pantas"), manakala harga diri adalah menilai dan berpandangan (contoh: "Saya merasa senang menjadi pelari pantas").



Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa konsep sendiri adalah pandangan seseorang tentang dirinya yang meliputi kepercayaan, penilaian dan tingkah laku. Dengan lain perkataan, bagaimana seseorang melihat diri sendiri adalah pembalikan tentang pandangan orang lain tentang dirinya.

Personaliti pula merangkumi perbezaan individu yang mempengaruhi prestasi kecerdasan iaitu "apa yang boleh dilakukan seseorang". Ini akan memudahkan pemahaman dan pembelajaran, dan personaliti "apa yang akan dilakukan seseorang" akan membantu atau menghalang kebolehan ini. Menurut Nurul Zawani (2007), menyatakan bahawa setiap insan dilahirkan dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Ciri-ciri ini sama ada ciri-ciri luaran atau dalaman, unik dan berbeza-beza antara satu individu dengan individu yang lain. Tiada seorangpun termasuk kembar seiras yang benar-benar menyamai antara satu sama lain, khasnya dari segi tingkah laku atau personalitinya. Tingkah laku setiap insan berbeza-beza kerana setiap insan mempunyai personaliti yang tersendiri dan berbeza dengan insan yang lain.

Personaliti adalah salah satu faktor yang mempunyai kaitan dengan keunikan manusia. Ini kerana setiap manusia dilahirkan mempunyai persamaan dan perbezaan yang tersendiri. Tidak kiralah sama ada aspek luaran ataupun dalaman individu itu. Maka tidak hairanlah apabila terdapat ahli teori personaliti yang percaya bahawa setiap individu adalah unik dan tidak boleh dibandingkan dengan orang lain (Engler, 2003). Allport (dalam Nicholson, 2000) banyak mengkaji berkaitan personaliti manusia dan beliau berpendapat bahawa personaliti setiap individu adalah berbeza daripada individu lain dan ianya bersifat unik.



Secara ringkasnya, personaliti menentukan tingkah laku individu yang berlainan dalam gerak balas terhadap alam persekitaran. Oleh kerana itu, terdapat perbezaan tingkah laku antara seseorang individu dengan individu yang lain. Ini bererti tidak ada dua orang yang mempunyai personaliti yang sama. Setiap seorang individu mempunyai keunikannya yang tersendiri, tidak mengira sama ada seseorang itu mempunyai taraf pendidikan yang tinggi atau hanya sekadar menamatkan sekolah rendah.

Personaliti sememangnya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan setiap individu. Personaliti merupakan latar belakang yang dapat menonjolkan tingkah laku seseorang secara amnya. Gaya hidup merupakan kesatuan personaliti seseorang individu yang merangkumi segala pendapat kreatif terhadap diri sendiri, masalah kehidupan dan keseluruhan sikap terhadap dirinya dan orang lain. Ini membuktikan bahawa personaliti sememangnya mempengaruhi sifat dan tingkah laku individu sepanjang menjalani kehidupan. Personaliti yang berbeza antara setiap individu dengan individu yang lain menambah variasi dan corak kehidupan.

Menurut Nurul Zawani (2007), menyatakan bahawa selain keunikan manusia, personaliti juga banyak memberi kesan terhadap tingkah laku manusia terutamanya pelajar. Di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi, setiap pelajar tidak dapat lari daripada tekanan yang selalu menghantui diri mereka semasa bergelar pelajar. Ciri-ciri personaliti yang berlainan inilah yang dapat membezakan seseorang individu dalam mengatasi segala tekanan yang mereka hadapi mengikut cara dan keupayaan mereka masing-masing. Personaliti amat penting bagi setiap individu untuk mengenali diri masing-masing dan memahami kehendak dan kelebihan serta kelemahan diri.





Dengan ini setiap individu dapat menghadapi segala rintangan hidup dan tekanan yang bakal dihadapi dengan tenang dan mudah.

Personaliti pelajar juga sering dikaitkan dengan hasil pencapaian. Menurut Carrel (1975), menyatakan bahawa adalah perkara biasa bagi para pendukung yang berpengalaman dalam hampir semua bidang mempercayai bahawa personaliti dan kebolehan menentukan hasil dan keputusan. Cuma kepentingan kedua-dua unsur ini berbeza-beza mengikut bentuk pencapaian yang terlibat. Menurut Marimuthu (1990), pencapaian akademik pelajar adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor diri sendiri, rakan sebaya, keluarga dan persekitaran pelajar itu. Faktor diri sendiri adalah terkandung dalam personaliti seseorang individu atau pelajar. Oleh itu, personaliti dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi. Setiap pencapaian yang diperolehi biasanya disokong oleh sesuatu perangsang dalaman mahupun luaran daripada seseorang individu tersebut.

Meningkatkan kualiti pendidikan dan pelaburan pada sumber daya pendidikan dan manusia dianggap sebagai faktor berkesan yang membuka jalan bagi pembangunan negara yang meluas. Oleh itu, peningkatan pencapaian akademik pelajar juga merupakan antara matlamat asas perancangan pendidikan. Melalui pencapaian akademik, pelajar dapat merealisasikan bakat dan kemampuan mereka sepenuhnya sesuai dengan matlamat pendidikan. Sebenarnya, pencapaian akademik dianggap sebagai salah satu kriteria kualiti pendidikan yang penting. Sebaliknya, pelajar berbeza dalam sebilangan besar pemboleh ubah. Dengan kata lain, mereka bukan sahaja berbeza dari segi ciri keperibadian, latar belakang keluarga, usia dan jantina. Mereka juga menunjukkan sikap dan tindak balas emosi yang berbeza





terhadap persekitaran. Pelajar mempunyai ciri keperibadian yang tersendiri yang menjadikan mereka bersedia untuk menghadapi pandangan dunia yang berbeza, dan perbezaan kelakuan dalam pelbagai persekitaran sosial dan pendidikan. Dengan mengambil kira perbezaan ini dapat membantu pendidik mengenali perbezaan individu pelajar mereka.

Pencapaian akademik sering diletakkan pada kontinum dengan ukuran kognitif, kecerdasan dan kemampuan mental pada satu pemboleh ubah ekstrem dan bukan kognitif seperti ciri keperibadian, status sosioekonomi dan lain-lain dengan yang lain. Walaupun hasil kajian yang cuba meramalkan pencapaian akademik memberikan hasil yang berbeza, namun hasilnya secara konsisten menunjukkan peranan kemampuan kognitif dan ciri keperibadian dalam pencapaian akademik (Paunonen & Ashton, 2001). Pendidik selalu bertanya adakah ciri keperibadian seseorang dapat membantu mereka mencapai pencapaian akademik yang lebih tinggi.

Kesimpulannya, personaliti menentukan tingkah laku individu yang berlainan dalam gerak balas terhadap alam persekitaran. Oleh kerana itu, terdapat perbezaan antara satu sama lain. Ini bererti tidak ada dua orang yang mempunyai personaliti yang sama. Setiap seorang mempunyai keunikannya yang tersendiri, tidak mengira sama ada seseorang itu mempunyai taraf akademik yang tinggi atau yang lebih rendah. Personaliti sememangnya memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan setiap individu.



Pencapaian akademik pula adalah proses yang dinamik. Ini memainkan yang sangat signifikan dan penting dalam pencapaian perkembangan anak yang harmoni dalam semua lapisan masyarakat. Pencapaian Akademik secara umum merujuk kepada tahap kecekapan yang dicapai dalam beberapa bidang tertentu, mengenai pelajaran dan tugas akademik. Keberkesanan peranan pendidik adalah untuk memastikan bahawa keperluan ini dapat dipenuhi. Peranan pendidikan adalah asas di mana pelajar dapat mencapai pencapaian akademik. Bukan sekadar mengajar anak menjadi baik, malah ia mengajar mereka menjadi yang terbaik.

Prestasi akademik pelajar sekolah menengah merupakan indikator sama ada seseorang pelajar akan dapat melanjutkan pelajaran ke IPTA atau IPTS selepas SPM, menjadi seorang profesional atau pekerja biasa, menjadi seorang yang berjaya atau seorang yang tidak berkeupayaan dan sebagainya. Ini membawa maksud, prestasi akademik pelajar dianggap penting sepanjang tempoh pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah menengah. Oleh itu, pelbagai pihak termasuk pihak sekolah, keluarga, masyarakat dan yang paling penting adalah pelajar itu sendiri untuk terus berusaha dalam meningkatkan lagi prestasi akademik supaya cita-cita pelajar tercapai selari dengan kehendak sekolah, keluarga, masyarakat dan hasrat negara.

Namun, prestasi akademik pelajar kadang kala tidak dapat dicapai seperti yang diidamkan. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Faktor-faktor ini termasuk latar belakang sosial dan ekonomi, persekitaran keluarga, gaya pembelajaran pelajar dan sebagainya. Adalah dipercayai juga bahawa personaliti seseorang memainkan peranan dalam mengukuhkan lagi faktor tersebut (Che Mah & Mariani, 2001). Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk melihat perkaitan

dan perbezaan antara faktor-faktor persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti terhadap pencapaian akademik anak-anak khususnya terhadap anak-anak pelajar dalam Tanah Rancangan FELDA di seluruh negara.

1.3 Permasalahan kajian

Pelbagai usaha telah dan terus dijalankan serta dipertingkatkan oleh pihak sekolah dan pihak Kementerian Pendidikan bagi memenuhi kehendak pendidikan dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Di antara usaha yang dilakukan ialah mengadakan kursus-kursus motivasi seperti penerapan budaya belajar berkesan, bengkel-bengkel kecemerlangan, memberi khidmat kaunseling, ceramah-ceramah dan sebagainya. Pihak sekolah juga menganjurkan kelas-kelas terancang untuk para pelajar yang baik dan juga kelas pemulihan untuk pelajar yang lemah. Namun masih ramai antara pelajar yang mencapai tahap kelulusan yang mendatar dan rendah.

Jadual 1.1

Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) SMK Felda Sungai Koyan

BIL	TAHUN	CALON	PENCAPAIAN A						
			12A	11A	10A	9A	8A	JUMLAH	PERATUS
1	SPM 2016	129					1	1	0.78
2	SPM 2017	147			1			1	0.68
3	SPM 2018	133					1	1	0.75
4	SPM 2019	123						0	0.00
5	SPM 2020	133					1	1	0.75

Sumber: Profil Akademik Sekolah bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) SMK Felda Sungai Koyan



Berdasarkan jadual 1.1 di atas, merupakan keputusan rasmi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi 5 tahun berturut-turut bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. Bagi pencapaian pelajar yang perolehi pencapaian cemerlang dalam akademik memperoleh 8A hanya seorang sahaja berbanding 129 orang calon dengan hanya 0.78%. Bagi tahun 2017 seramai 147 orang calon keseluruhan, hanya seorang sahaja yang perolehi 10A dengan 0.68%. Bagi tahun 2018, seramai 133 orang calon, hanya seorang sahaja yang perolehi 8A dengan 0.75%. Bagi tahun 2019 pula, malangnya tiada seorang calon daripada 123 orang calon yang perolehi serendah 8A dengan 0.00%. Akhir sekali pencapaian bagi tahun 2020, ada seorang calon perolehi 8A daripada jumlah keseluruhan calon seramai 133 orang dengan 0.75%.

Merujuk kepada jadual 1.1 di atas juga, di manakah silapnya sehingga mengakibatkan keadaan dan dilema ini membelenggu masyarakat terutamanya dalam kalangan ibu bapa dan guru-guru berkaitan pencapaian akademik pelajar semenjak dari dulu lagi? Adakah ia berlaku disebabkan faktor persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti pelajar itu sendiri dapat menetapkan kualiti pencapaian akademik seseorang pelajar berbanding permasalahan-permasalahan gaya pembelajaran para pelajar dan sistem pengajaran guru yang biasa diperkatakan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun. Untuk terus maju, setiap lapisan ahli masyarakat haruslah menyumbangkan tenaga. Pelajar merupakan golongan yang akan menjadi penyumbang kepada tampuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan



melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar. Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas ini dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur. Ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam pekerjaan.

Falsafah Pendidikan Negara bermatlamat untuk mengembangkan potensi individu pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu, segala usaha dan langkah yang diambil dalam sistem pendidikan mestilah mengambil kira potensi dan keperluan setiap individu pelajar. Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar. Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas ini dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur. Ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam pekerjaan.

Menurut Honey dan Mumford (1992), pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran dan kemahiran. Dalam proses pembelajaran ini terdapat beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu. Kecenderungan ini termasuklah kecenderungan untuk memiliki pengalaman semasa mempelajari sesuatu, kecenderungan untuk mengimbas kembali, kecenderungan untuk membuat kesimpulan dan kecenderungan memastikan implementasi.

Semenjak dilahirkan, setiap individu pelajar yang normal telah memiliki potensi dan bakat yang boleh dikembangkan dan dipertingkatkan. Dewasa ini mereka telah terdedah lebih awal dengan pelbagai sumber maklumat. Fenomena ini sedikit sebanyak boleh memberi impak dalam perkembangan dan pertumbuhan fizikal, kognitif, psikomotor dan emosi mereka. Pelajar-pelajar sebagai individu yang mempunyai personaliti yang berbeza kehendak yang pelbagai dan tahap motivasi yang berlainan apabila ditempatkan dalam satu situasi yang sama. Hasil daripada interaksi menunjukkan maklum balas tingkah laku yang berbeza dan menghasilkan pandangan yang berbeza. Dalam situasi ini, konflik akan berlaku disebabkan setiap individu mempunyai cara pemikiran dan cara penyelesaian masalah yang tersendiri (Yong, 2007). Oleh itu, penyelidikan tentang perkembangan pelajar perlu dilakukan untuk melihat dan mengenal pasti kekangan dan cabaran yang menghalang pelajar ini terhadap peningkatan pencapaian akademik mereka.

Kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses pengsosialisasian remaja iaitu sikap, nilai dan sistem kepercayaan akan diterapkan ke dalam minda remaja. Selain itu, gaya asuhan dan persekitaran keluarga juga menjadi medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya.

Keluarga sememangnya sebuah institusi yang memainkan peranan penting bagi setiap individu terutama anak-anak kecil. Syed Ismail dan Ahmad Subki (2013), menyatakan bahawa ibu bapa merupakan pengaruh yang besar dalam membentuk tingkah laku anak sejak dari kecil dan kecuaian ibu bapa untuk memahami peranan mereka akan menjadikan anak-anak hilang panduan dan keliru dalam menjalani



kehidupannya. Perhubungan negatif antara ibu bapa dengan anak-anak boleh menimbulkan konflik yang tinggi dan memberi tekanan terhadap ibu bapa dan anak-anak.

Kajian oleh Sham (1996), menyatakan bahawa perlakuan di luar norma dan anti sosial turut dikaitkan dengan tingkah laku dan struktur keluarga itu sendiri. Mengikut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauh manakah elemen-elemen dalam institusi kekeluargaan mempengaruhi tingkah laku pelajar dan seterusnya membawa kepada tingkah laku negatif dalam kalangan mereka, khususnya pelajar sehingga mengakibatkan mereka hilang fokus kepada pembelajaran mereka di sekolah menyebabkan tahap pencapaian akademik mereka menurun.

Di samping itu, setiap keluarga juga mengamalkan corak gaya asuhan dan pemantauan tersendiri yang berbeza terhadap ahlinya dan dengan ini akan memberi impak terhadap sahsiah dan moral para pelajar berkenaan. Kajian ini juga turut meninjau sejauh mana corak gaya asuhan tertentu mempengaruhi personaliti pelajar. Oleh itu, mereka haruslah mempunyai konsep sendiri tinggi dan peribadi atau personaliti yang boleh dikagumi untuk memajukan negara. Golongan pelajar adalah golongan yang sering mengalami cabaran dan dugaan. Mereka belum stabil dan masih terumbang-ambing dalam mencari identiti diri. Dalam proses ini, unsur-unsur positif dan negatif adalah senang dan cepat meresap untuk membentuk sahsiah dan personaliti remaja apabila dewasa.





Cara ibu bapa menguruskan keluarga juga turut menjadi faktor yang menyumbang kepada kemampuan penyesuaian dan pencapaian akademik anak-anak. Kajian-kajian yang dijalankan (Taylor 1996; Slater & Power 1987; Abdul Rahman, 2002) menunjukkan bahawa organisasi keluarga mempunyai kesan positif ke atas pencapaian akademik, di samping berhubung secara positif dengan ciri berdikari dan kemahiran sosial anak-anak. Dalam kajian yang lain, Hardy et al. (1993) mendapati bahawa persekitaran keluarga yang berperancangan berhubung secara positif dengan penggunaan strategi yang lebih berkesan dalam mengatasi tekanan harian. Oleh itu adalah dipercayai bahawa keluarga yang berperancang akan menghasilkan anak yang berakhlak, berdikari, yang seterusnya berupaya mengurus dan berjaya dalam bidang akademiknya.



mempengaruhi tingkah laku dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah. Kajian Clark (1983) menunjukkan bahawa pelajar yang berprestasi tinggi dalam akademiknya mempunyai ibu bapa yang merancang serta mengawasi jadual penggunaan masa harian dan mingguan anak-anak mereka. Ibu bapa mereka juga banyak membantu dalam kerja sekolah dan membuat lawatan ke sekolah anak-anak mereka apabila perlu. Dalam kajian lain, Patterson dan Stouthamer-Loeber (1984), mendapati bahawa kekerapan pengawasan ibu bapa terhadap tingkah laku dan pergerakan anak-anak akan mengurangkan keterlibatan anak-anak dengan aktiviti yang tidak sihat atau kes-kes jenayah. Oleh yang demikian maka pengaruh persekitaran keluarga sama ada dari segi komunikasi, kawalan, organisasi keluarga, penerapan nilai dan pelbagai aspek kehidupan keluarga mempengaruhi pencapaian



akademik anak-anak. Begitu juga persekitaran keluarga yang berkonflik, dipercayai akan memberi kesan negatif kepada pembelajaran anak-anak.

Kegiatan pembelajaran di sekolah dapat memaparkan konsep sendiri seseorang pelajar. Pelajar yang mempunyai konsep sendiri positif biasanya akan melibatkan diri secara aktif di dalam sesi pembelajaran. Manakala sesetengah pelajar yang konsep kendirinya rendah pula biasanya agak pasif dan pendiam. Dapat dikatakan bahawa keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh konsep sendiri yang berlainan yang dimiliki oleh setiap pelajar. Pembentukan konsep sendiri seseorang pelajar bergantung pada beberapa dimensi konsep sendiri seperti keluarga, rakan sebaya dan peribadi. Kesemua dimensi ini saling berkait antara satu dengan yang lain. Di samping itu, konsep sendiri pelajar dipengaruhi oleh keluarga, sosial dan peribadi. Oleh itu, kajian ini mengkaji konsep sendiri seperti keluarga, sosial dan peribadi. Kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar ataupun tidak.

Melalui konsep sendiri dan personaliti yang dibentuk ini, secara tidak langsung akan memberi pengaruh dalam prestasi akademik mereka. Dengan kata lain, mereka yang mempunyai konsep sendiri dan personaliti yang berbeza, mempunyai pencapaian akademik yang berbeza. Terdapat banyak kajian yang dijalankan dalam bidang pendidikan memperlihatkan kepentingan sumbangan ciri personaliti terhadap pencapaian akademik (Levin, 1994; Maqsd, 1993; Wentzel, 1993; Fox, 1990; Marjoribanks, 1986; Elliot, 1972; Eysenck & Cookson, 1969; Savage, 1966). Kajian-kajian yang dijalankan terhadap pelajar pintar dan berbakat juga menunjukkan wujudnya hubungan ciri personaliti dengan pencapaian akademik (Colangelo & Kerr,



1990; Renzulli, 1986; Robinson, 1986; Bloom, 1985; Marland, 1972; Barron, 1969; Terman & Oden, 1959). Begitu juga kajian berkaitan punca kelemahan pelajar sering melaporkan adanya hubung kait yang rapat antara pencapaian akademik dengan ciri personaliti pelajar (Frymier, 1992; Wong & Csiksenmihalyi, 1991; Lloyd, 1972; Pringle, 1970; Halpern & Halpern, 1966; Shaw & Brown, 1957; Barret, 1957).

Levin (1994), menyatakan prestasi akademik pelajar secara konsisten mengesyorkan hal-hal yang berhubung dengan apa yang patut dibuat terhadap pelajar. Pihak perancang pendidikan dan sekolah selalunya lebih cenderung menumpukan kepada aspek kognitif pelajar, isu-isu kurikulum dan strategi pengajaran. Ini termasuklah mengubah kurikulum, melatih guru, menambah atau mengurangkan waktu belajar, menukar buku teks dan sebagainya. Sedangkan aspek personaliti, perasaan dan bagaimana perubahan-perubahan yang dirancang itu mempengaruhi penglibatan tindak balas pelajar terhadap pembelajaran, jarang diberikan perhatian. Perubahan-perubahan dalam bidang tersebut (kurikulum dan metodologi) adalah kurang bermakna tanpa mengambil kira faktor personaliti pelajar yang berbeza antara satu sama lain (Eysenck, 1990). Ini adalah kerana pelajar yang berlainan akan bertindak dengan cara yang berbeza terhadap kaedah yang tertentu.

Pada hakikatnya pelajar adalah unsur terpenting yang menentukan dan mempengaruhi pencapaian akademik mereka (Levin, 1994). Para pelajar sendirilah yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan tentang sejauh mana usaha, tumpuan dan minat yang akan mereka berikan terhadap kerja sekolah. Ini adalah kerana pendidikan bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan ke atas seseorang, tetapi apa yang dilakukan oleh seseorang terhadap dirinya (Levin, 1994). Malah semua





usaha yang dijalankan oleh pihak guru dan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah, akan menjadi sia-sia sekiranya pelajar tidak memanfaatkan sumber itu bagi mendapatkan kemahiran dan pengetahuan untuk mencapai kejayaan. Wong dan Csiksenmihalyi (1991), menyatakan bahawa kebanyakan masalah yang berkaitan dengan prestasi pelajar bukanlah disebabkan pelajar tidak memahami isi yang hendak diajar oleh guru tetapi kerana para pelajar sendiri tidak mahu mempelajarinya.

Selain daripada keinginan pelajar itu sendiri dalam menentukan pencapaian akademiknya. Menurut Nyanamany (2017), menyatakan bahawa faktor kecerdasan juga merupakan satu aspek penting yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kecerdasan yang tinggi dapat membantu pelajar memahami dengan lebih cepat dan berkesan perkara-perkara baru yang dipelajarinya. Kajian-kajian yang dijalankan kerap kali melaporkan kecerdasan sebagai peramal utama (Othman, 1995; Ruhil, 1991; Schuerger & Kuna, 1987; Chan & Rodziah, 2012)

Menurut Nyanamany (2017), menjelaskan lagi bahawa aspek disiplin pelajar juga menyumbang secara langsung terhadap pencapaian akademik pelajar. Setiap perkara yang berlaku mempunyai sebab dan alasan yang tertentu. Begitu juga dengan masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah menengah. Menurut Coie dan Krehbeil (1984), menyatakan bahawa pelajar yang berdisiplin bukan sahaja dapat mengawal perlakuan dan tindakannya terhadap pembelajaran dengan berkesan, malah dapat memberi peluang kepada guru untuk memberi penumpuan sepenuhnya kepada pengajaran dalam kelas. Pelajar-pelajar berbeza dari segi kebolehan, minat dan bakat. Oleh itu, guru-guru perlu menggalakkan pelajar-pelajar agar bersaing dengan dirinya sendiri dan bukanlah dengan pelajar-pelajar yang lain. Ini bermakna



guru juga perlu memberikan pujian kepada setiap pelajar yang telah menunjukkan kemajuan dalam pembelajaran. Dengan cara ini, setiap pelajar akan menikmati setiap kejayaan yang mereka usahakan sendiri. Oleh yang demikian, kerjasama antara pelajar dan guru dan sikap positif terhadap pembelajaran dalam kalangan pelajar dipercayai dapat membantu kepada pencapaian akademik yang lebih baik.

Pelajar yang mempunyai sikap yang mudah mesra dan mampu berkomunikasi dengan baik terhadap orang lain juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik. Menurut Wentzel (1993), dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar yang mudah menyesuaikan diri dengan orang lain seperti guru, rakan dan warga sekolah akan lebih mudah mencapai kejayaan. Pelajar yang bersikap sedemikian akan mudah berkongsi sumber, bahan dan dapat memberikan kerjasama dengan orang lain dan mampu menyelesaikan masalah secara positif.

Perasaan dan cara guru bertindak juga turut dipengaruhi oleh personaliti pelajar. Coie dan Krehbeil (1984), dalam kajiannya menyatakan bahawa guru lebih menghargai dan bersikap positif terhadap golongan pelajar yang mengikut arahan, bekerjasama, teliti dan bertanggungjawab. Golongan pelajar yang bersikap sebaliknya akan kurang mendapat perhatian peribadi daripada guru dan seterusnya boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tersebut.

Kehebatan bidang pendidikan di Malaysia sudah tidak dapat dinafikan lagi. Terdapat begitu banyak sekolah dan pusat pengajian tinggi, tidak kiralah di Institut Pendidikan Awam (IPTA) milik kerajaan mahupun Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) milik swasta yang telah didirikan ibarat cendawan yang tumbuh melata selepas



hujan. Justeru itu, peluang untuk pelapis negara ini untuk mendapatkan pendidikan terbentang luas di hadapan mata. Namun tidak dinafikan, wujud persaingan yang sengit dalam kalangan pelajar bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam pencapaian akademik mereka.

Personaliti dihubungkan dengan pelbagai aspek dalam kehidupan. Personaliti juga dihubungkan dengan teori pembelajaran. Oleh itu, hubungan di antara personaliti dan pencapaian akademik perlu dikaji atau ditinjau dengan sistematik dan saintifik. Kajian-kajian lepas kebanyakannya melibatkan hubungan personaliti dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah secara umum. Oleh itu, kajian kali ini penyelidik memfokuskan dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian secara khusus di Tanah Rancangan FELDA di seluruh



Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perkaitan di antara persekitaran keluarga dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di tanah Rancangan FELDA terhadap pencapaian akademik mereka. Kajian ini juga untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan di antara konsep sendiri pelajar terhadap pencapaian akademik. Seterusnya kajian ini juga untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan di antara personaliti terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian dengan memberi fokus kepada pelajar yang sedang belajar di sekolah-sekolah di Tanah Rancangan FELDA di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat perbezaan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut berdasarkan jantina dan lokasi sekolah




dalam kalangan responden yang dikaji seramai 400 orang responden yang diambil di setiap sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA di seluruh Malaysia.

1.4 Kerangka Kajian

Rajah 1.1

Kerangka Kajian





Berdasarkan kerangka kajian yang terdapat dalam Rajah 1.1, kajian ini menggunakan tiga pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti yang dihubungkan dengan pencapaian akademik pelajar.

Melalui pemboleh ubah persekitaran keluarga, pengkaji akan melihat berkaitan tahap pengawasan ibu bapa dan penjaga terhadap anak-anak mereka. Selain itu tahap pendidikan ibu bapa juga turut dilihat. Seterusnya bagaimana cara komunikasi dilakukan dalam sesebuah keluarga tersebut yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak mereka. Akhir sekali di bawah pemboleh ubah persekitaran keluarga ini, pengkaji juga akan melihat berkaitan kaedah bimbingan yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Bagi pemboleh ubah konsep sendiri seseorang pelajar pula akan diukur berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi konsep sendiri seperti faktor keluarga, faktor sosial, fizikal, etika dan moral dan faktor peribadi. Manakala bagi pemboleh ubah personaliti, seseorang pelajar pula dikaji melalui skala ektroversi iaitu ektrovert dan introvert dan skala neurotisme iaitu neurotik dan kestabilan emosi.

Teori Ekologi Pembangunan Manusia telah diperkembangkan oleh Urie Bronfenbrenner (1917) digunakan sebagai model kajian bagi persekitaran keluarga bagi melihat tingkah laku dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak. Teori ini menjelaskan bahawa perkembangan anak-anak adalah sebagai hasil interaksi antara alam persekitaran dengan anak-anak tersebut. Dalam konteks ini, interaksi antara anak-anak dengan persekitaran anak-anak itu dipercayai mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan anak-anak. Merujuk kepada konsep di dalam teori ini, sama ada kita menyedarinya atau tidak bahawa anak-anak merupakan individu





yang berada dalam ruang lingkup mikro. Teori Hierarki Keperluan Maslow yang telah dikemukakan oleh Abraham Maslow, seorang ahli Psikologi Kemanusiaan pada tahun 1943 melalui bukunya "*A Theory of Human Motivation*" di dalam kajian psikologinya digunakan sebagai model kajian bagi konsep sendiri dan Teori Jenis Trait Eysenck yang dikemukakan oleh Eysenck (1947) yang juga merupakan salah seorang tokoh psikologi digunakan sebagai model kajian bagi personaliti. Akhir sekali adalah penggunaan Teori Keperluan Kepada Pencapaian yang dikemukakan oleh McClelland (1978) digunakan bagi tujuan pencapaian akademik. Fokus utama kajian adalah menghubungkan ketiga pemboleh ubah ini iaitu pemboleh ubah persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik para pelajar di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.



1.5 Tujuan Kajian

Kajian berkenaan persekitaran keluarga, konsep sendiri, personaliti dan perkaitannya dengan pencapaian akademik khusus bagi pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA ini secara mendalam masih belum diadakan lagi setakat ini. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perkaitan antara persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dengan jantina dan lokasi responden terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.





Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perkaitan antara faktor-faktor pemboleh ubah bebas iaitu faktor persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik dan seterusnya menentukan peramal-peramal kepada pencapaian akademik. Oleh sebab itu maka pengkaji berminat untuk membuat kajian secara mendalam berkaitan perkara ini terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah menengah harian dalam kawasan Tanah Rancangan FELDA di seluruh Malaysia.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti pelajar di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA terhadap pencapaian akademik mereka. Berdasarkan masalah kajian yang dinyatakan, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan antara pemboleh ubah bebas persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti dengan jantina dan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik dan seterusnya menentukan peramal-peramal kepada pencapaian akademik.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui sama ada terdapat hubungan antara persekitaran keluarga pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.



2. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara personaliti pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
4. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
5. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
6. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah rancangan FELDA.
7. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
8. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara personaliti dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.

9. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara personaliti dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.

1.7 Persoalan Kajian

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut;

1. Adakah terdapat hubungan antara persekitaran keluarga pelajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
2. Adakah terdapat hubungan antara konsep sendiri pelajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
3. Adakah terdapat hubungan antara personaliti pelajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persekitaran keluarga dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persekitaran keluarga dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik dalam

kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?

6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara konsep sendiri dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara konsep sendiri dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara personaliti dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara personaliti dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA?

1.8 Hipotesis Kajian

Secara keseluruhannya terdapat 9 hipotesis dibentuk yang boleh dikategorikan kepada sembilan hipotesis nol bagi tujuan memenuhi objektif dan mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian yang dibentuk dalam penyelidikan ini. Oleh itu berpandukan kepada kajian-kajian yang terdahulu, pengkaji telah membentuk hipotesis seperti yang berikut:

- Ho.1** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
- Ho.2** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri pelajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
- Ho.3** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti pelajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
- Ho.4** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
- Ho.5** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
- Ho.6** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.
- Ho.7** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.

Ho.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti dengan jantina pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.

Ho.9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti dengan lokasi pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.

1.9 Rasional Kajian

Institusi keluarga merupakan satu unit sosial yang memberi kesan ke atas perkembangan personaliti individu (Habibah, 2002). Oleh kerana kepelbagaian keluarga dari segi struktur dan komposisi, maka pengaruh keluarga ke atas perkembangan sendiri dan personaliti anak-anak juga berbeza. Kecelaruhan personaliti anak-anak seperti ketidak stabilan emosi, murung dan lain-lain amat mempengaruhi pencapaian akademik seseorang terutamanya pelajar (Shaffer et al., 2011). Oleh itu, penyelidik merasakan bahawa penting baginya untuk mengetahui berkaitan perbezaan persekitaran keluarga bagi setiap pelajar yang dikaji. Kajian ini juga bertujuan menyedarkan ibu bapa betapa pentingnya peranan persekitaran keluarga dalam pencapaian akademik anak-anak serta penekanan kepada aspek kekeluargaan yang berkesan dan mengetahui konsep sendiri dan personaliti pelajar yang berbeza latar belakang.



Melihat kepada permasalahan dan isu yang melanda pelajar pada masa kini amatlah membimbangkan. Tindakan dan pengawalannya dirasakan sudah berada pada tahap yang dianggap terdesak. Pertaruhanannya adalah masa depan negara dan generasi akan datang kerana para pelajar ini adalah pewaris kepada kepimpinan negara. Perlakuan dalam kalangan pelajar ini perlu dibendung daripada peringkat awal lagi, iaitu ketika mereka berada di dalam persekitaran keluarga lagi agar penularannya dalam masyarakat dapat dibendung dan ditangani dengan sebaiknya. Oleh itu, penyelidik merasakan kewajaran untuk mengetahui tahap perlakuan dan kekerapan perlakuan tersebut dalam kalangan pelajar yang mempengaruhi kepada pencapaian tahap akademik pelajar tersebut.

Kajian ini juga sekali lagi diberi penekanan dilakukan untuk menjadi panduan agar dapat menyedarkan ibu bapa tentang betapa pentingnya peranan persekitaran keluarga yang sihat yang perlu dimainkan dalam membentuk perlakuan dalam diri anak-anak dan pelajar yang terlibat sehingga memberi kesan kepada tahap pencapaian akademik pelajar tersebut. Setiap pengaruh dan rangsangan dari luar perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh keluarga agar anak-anak tidak lepas bebas sepenuhnya tanpa perhatian dan bimbingan sebaiknya.

Generasi yang berketerampilan, berdaya saing dan berakhlak mulia perlu dibentuk dan dibimbing bukan sahaja melibatkan pihak sekolah semata-mata, malah ibu bapa sepatutnya turut memainkan peranan yang lebih besar lagi. Hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang perlakuan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah untuk ibu bapa dan pihak-pihak yang terlibat. Hasil kajian ini juga dapat mengesan sama ada persekitaran keluarga, konsep sendiri



mahupun personaliti pelajar itu yang boleh mengganggu gugat proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan seterusnya boleh mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar tersebut.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini secara amnya akan menyumbang kepada pembinaan ilmu (*Contribute to the body of knowledge*), penambahbaikan dalam amalan (*Improving practice*) dan juga sebagai panduan kepada pembinaan polisi (*policy making*). Secara khusus, kajian ini adalah mustahak kepada pelbagai pihak seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan juga kepada universiti-universiti awam sebagai institusi utama.

Kajian ini adalah penting kepada pelajar sendiri, keluarga (ibu bapa), guru-guru, pihak pengurusan sekolah, kaunselor-kaunselor sekolah, guru bimbingan dan kaunseling dan juga masyarakat bagi mengenal pasti sama ada persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti pelajar mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar khususnya pelajar sekolah menengah harian yang berada dalam kawasan Tanah Rancangan FELDA di seluruh negara.

Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak guru, kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling untuk memperbaiki dan mengatur strategi pengajaran, pembelajaran dan program kaunseling dengan lebih berkesan. Perubahan teknologi yang cepat dan pesat telah mendedahkan manusia kepada kehidupan yang semakin rumit khasnya dalam usaha untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. Hal inilah yang menyebabkan terjadinya pelbagai krisis yang melibatkan emosi dan nilai



lalu menyebabkan manusia tersepit. Sesiapa yang tidak berdaya akan menjadi mangsa kepada keadaan. Generasi akan datang lebih banyak mengalami perubahan dalam masa yang lebih singkat. Mereka akan menjadi mangsa kepada perkembangan mental dan fizikal. Oleh yang demikian maka kaunseling amat penting dalam kehidupan manusia kerana ia merupakan proses menolong di antara seseorang dengan seseorang yang lain. Kaunseling adalah salah satu proses menolong tetapi bukan merupakan aktiviti memberi nasihat sahaja. Dalam proses menolong itu, kaunselor atau guru bimbingan dan kaunseling perlu membina satu perhubungan profesional dengan kliennya atau pelajar yang perlu dibantu dan membimbingnya supaya menjadi lebih memahami mengenai dirinya, kebolehannya, kemampuan dan keupayaannya. Dalam proses ini juga, pelajar akan dibimbing supaya menjadi lebih peka tentang interaksi dan tindak balas dengan masyarakat dan suasana yang mempengaruhi hidupnya.



Dengan kesedaran ini, pelajar akan memahami realiti hidupnya dan membolehkannya membuat perancangan untuk masa depan. Segala keputusan dan pilihan yang pelajar itu buat bukanlah datang daripada kaunselor atau guru bimbingan dan kaunseling tetapi datangnya daripada pelajar itu sendiri. Peranan kaunselor atau guru bimbingan dan kaunseling di sekolah adalah untuk membimbing pelajar dalam proses membuat keputusan dan pilihan. Hanya dengan kajian yang teliti dan mendalam terhadap faktor persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti pelajar dapat difahami kenapa sesetengah pelajar tidak mencapai tahap akademik yang sewajarnya. Sekiranya seseorang pelajar itu tidak mencapai tahapnya, kemungkinan besar ia disebabkan pelajar itu tidak mampu menggunakan sepenuhnya kemampuan atau kerana ia memilih untuk tidak menggunakannya. Dalam kedua-dua hal tersebut mereka memerlukan bantuan dan pertolongan daripada kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling yang terlatih.





Sebagai kesimpulannya, peranan sebagai guru kaunselor, guru bimbingan dan kaunseling dan guru-guru perlu memiliki tahap profesionalisme yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka. Oleh itu, peningkatan ilmu pengetahuan dalam profesionalisme keguruan dalam kalangan guru-guru amat penting. Peningkatan profesionalisme keguruan dapat dilakukan dalam tiga kaedah iaitu peningkatan sendiri, penyertaan kursus peningkatan profesionalisme keguruan dan kerjasama profesional. Sebagai guru yang profesionalisme, perlu sentiasa mengetahui kemahiran-kemahiran asas seperti kaunseling dan bimbingan. Ini adalah kerana melalui kaunseling, pelajar akan dapat diberi bantuan untuk melalui perkembangan dan pertumbuhan mental, sosial, intelek, fizikal, emosi, kejiwaan dan kerohanian. Unit bimbingan dan kaunseling di sekolah memainkan peranan yang penting bukan sahaja dari aspek pelajar di sekolah malah dalam membentuk anggota masyarakat.



Kita seharusnya menghormati dan meraikan para guru, kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling yang banyak berkorban dan melayan kerenah anak-anak kita seperti anak-anak mereka sendiri. Pihak Kerajaan Malaysia seharusnya memantapkan lagi Unit Bimbingan dan Kaunseling bukan sahaja kepada sektor pendidikan tetapi disebar luas kepada semua sektor di dalam negara supaya kita dapat membantu individu yang memerlukan motivasi dalam mendepani dugaan atau cabaran yang menguji kehidupan masing-masing. Sekiranya setiap di antara kita dibekalkan dengan motivasi dan iltizam yang tinggi, pastinya masyarakat berminda kelas pertama dapat dihasilkan dan seterusnya membawa negara ke arah kemajuan sejagat.

Maklumat tentang persekitaran keluarga pelajar mengikut pencapaian akademik akan menjadi petunjuk kepada pihak sekolah tentang pengaruh yang dimainkan oleh ibu bapa pelajar tersebut. Hasan (1975), dalam kajiannya menyatakan





bahawa para pelajar yang menghadapi masalah peribadi, emosi atau yang berkaitan dengan keluarga tidak akan berjaya dalam akademiknya. Ibu bapa juga dapat memanfaatkan dapatan kajian ini tentang aspek-aspek persekitaran keluarga yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik anak-anak mereka dan mengambil iktibar daripadanya. Kajian ini juga akan memberi petunjuk kepada bakal ibu bapa tentang pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan konsep sendiri dan personaliti pelajar sama ada yang berprestasi akademik tinggi atau rendah. Selain itu, ibu bapa juga dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang dan menghalang kejayaan anak-anak dalam bidang akademik.

Hasil kajian ini juga boleh membantu ibu bapa untuk mengenal pasti tindak-tanduk anak-anak mereka. Mereka juga dapat melihat personaliti dan tingkah laku anak-anak mereka sama ada bertingkah laku positif ataupun sebaliknya. Ini dapat dilakukan dengan pemerhatian sama ada di dalam mahupun di luar sekolah. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi tingkah laku yang tidak baik dalam kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi pendedahan kepada para ibu bapa pelajar bagi memastikan mereka mengambil berat hal-hal yang berkaitan dengan akademik anak-anak mereka. Hal ini secara tidak langsung akan mengubah sikap ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka agar lebih mementingkan pelajaran. Oleh itu, melalui sikap positif ibu bapa ini diharap akan meningkatkan lagi pencapaian akademik anak-anak mereka pada masa akan datang.





Ibu bapa juga boleh memanfaatkan hasil kajian ini untuk menilai gaya keibubapaan yang diamalkan selama ini. Perubahan-perubahan boleh dilakukan agar memenuhi gaya yang didapati paling sesuai untuk membantu pembentukan konsep sendiri dan seterusnya pencapaian akademik anak-anak. Hasil kajian ini juga akan menggalakkan lagi ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka menghadiri kursus-kursus motivasi yang diadakan oleh pihak sekolah atau pihak-pihak lain. Di samping itu juga, apabila hasil kajian ini menunjukkan secara jelas hubungan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik pelajar maka pihak sekolah boleh menekankan lagi kepentingan keterlibatan ibu bapa dalam masalah pembelajaran anak-anak mereka. Hal ini akan sangat membantu pengurusan masalah pembelajaran para pelajar di sekolah.



mengetahui perbezaan personaliti pelajar dan merancang pengajaran yang sesuai dengan kepelbagaianya agar dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Maklumat tentang perbezaan personaliti antara pelajar yang berprestasi tinggi dengan pelajar yang berprestasi rendah adalah penting kerana sering kali guru membuat persediaan pengajaran dengan andaian bahawa setiap pelajar dalam kelasnya mampu menerima dan memahami pelajaran pada kadar yang sama. Sedangkan ciri personaliti individu adalah berbeza dan kemampuan serta kesanggupan menerima pelajaran juga berbeza. Hasil kajian ini juga diharapkan memberi ruang kepada guru-guru, kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling agar dapat mengenal pasti tahap-tahap tingkah laku pelajar serta kekerapan perlakuan tersebut dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru juga boleh mengenal pasti pelajar-pelajar yang bertingkah laku yang tidak sewajarnya dan perlu bertindak





sebagai ibu bapa kedua yang mampu membimbing pelajar agar berubah kepada sikap yang lebih positif. Kajian ini mendorong kesediaan pelajar menjauhi perlakuan yang tidak baik dan lebih memberi penumpuan kepada kecemerlangan diri. Jelaslah, bidang perguruan adalah kompleks dan tugas guru sangat berat berbanding bidang pekerjaan yang lain.

Hasil kajian ini akan dapat membantu para guru, kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling dalam pembelajaran para pelajar di sekolah. Guru-guru, kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling akan dapat membentuk suasana pembelajaran yang merangkumi aspek-aspek yang dapat meningkatkan motivasi mereka. Di samping itu, guru juga mendapat satu penjelasan bagaimana pentingnya konsep sendiri dalam memastikan pencapaian pelajar yang baik dan seterusnya, menstrukturkan isi pengajaran agar dapat membantu membentuk konsep sendiri yang positif.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi wadah yang berguna membantu pihak sekolah, para kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling untuk memahami konsep efikasi sendiri yang menjadi pendorong dalam menggerakkan sesuatu usaha dan kejayaan menjadi seorang kaunselor yang berkesan (*effective counselor*). Selain itu, penemuan dan hasil dapatan kajian ini dapat digunakan untuk menambahkan kefahaman dalam menilai aspek personaliti individu yang dapat mempengaruhi kebolehdapatan serta keupayaan menghasilkan kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling yang berkesan. Kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling akan dapat lebih kefahaman mengenai faktor persekitaran keluarga, sendiri dan personaliti pelajar yang mendorong kejayaan dan apakah faktor yang menghalang kejayaan



seseorang individu. Kefahaman ini dijangka dapat membantu sekolah terutama kepada pihak kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling dalam merangka program bimbingan untuk pelajar yang kurang berjaya. Program orientasi pelajar dan persediaan program bimbingan dapat diatitkan dengan lebih berkesan. Selain itu, adalah diharapkan juga agar dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak sekolah, kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling untuk merancang program orientasi yang lebih berkesan. Dengan mengenal pasti faktor yang membezakan pelajar mengikut pencapaian berdasarkan faktor persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti pelajar tersebut, pihak kaunselor dan guru bimbingan dan kaunseling dapatlah merancang program yang berbentuk perkembangan bagi menentukan pelajar yang menghadapi risiko kegagalan dapat diberi perhatian lebih awal lagi.

Daripada hasil kajian ini juga adalah diharapkan pihak yang berkaitan khususnya pihak pengurusan sekolah berupaya membentuk personaliti yang baik dalam kalangan pelajar agar ianya memberi kesan yang positif terhadap tahap pencapaian akademik para pelajar. Ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah membendung gejala salah laku disiplin yang sememangnya menyukarkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga diharap dapat memberikan sumbangan kepada pihak pentadbir sekolah untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan juga mencari suatu penyelesaian terhadap masalah sosial pelajar bagi memperkembangkan personaliti pelajar secara menyeluruh. Ini adalah untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara yang berusaha memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk



mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan maklum balas kepada pihak pentadbir sekolah tentang punca masalah kemerosotan akademik supaya semua pihak tersebut dapat berganding bahu memupuk pembentukan sendiri dan personaliti positif dalam kalangan pelajar. Selain itu, diharapkan kajian ini juga akan menjadi 'blue print' kepada sekolah lain yang menghadapi masalah yang sama jika berlaku masalah kemerosotan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di sekolah tersebut. Dengan usaha ini, guru-guru akan dapat memberikan tumpuan semaksimum yang mungkin terhadap proses penerapan ilmu terhadap pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran tanpa gangguan oleh masalah-masalah disiplin yang ditimbulkan oleh pelajar. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan sekolah dalam merangka dan melaksanakan peraturan-peraturan tertentu serta langkah-langkah keselamatan bagi mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang kondusif dan selamat.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu dan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar sendiri tentang perkara yang mungkin boleh menyebabkan mereka lemah dalam akademik dan seterusnya membantu mereka memperbaiki kelemahan tersebut. Para pelajar juga akan mendapat gambaran tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan juga kegagalan mereka di alam persekolahan. Oleh yang demikian diharapkan mereka akan berusaha untuk memupuk atau mengelak ciri-ciri atau faktor-faktor yang berhubung dengannya.





Seterusnya, hasil kajian ini boleh dijadikan asas panduan kepada masyarakat dalam membantu anak-anak dalam kalangan pelajar dengan lebih efektif. Membentuk akhlak pelajar bukanlah tugas keluarga semata-mata, malah masyarakat juga berperanan dalam menegur serta mengawal mereka ke arah personaliti yang baik. Oleh itu, adalah amat penting juga bagi masyarakat menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat, memberi sokongan dan mendidik para pelajar yang sedang meningkat dewasa agar mampu berfikiran positif.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan menilai kembali fokus tindakan selama ini. Adakah patut dan sesuai fokus usaha meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dialihkan kepada ibu bapa pula? Mungkin dari sudut belanjawan, perlu lebih banyak peruntukan disediakan untuk memberi kesedaran dan latihan kepada ibu bapa tentang aspek-aspek kemahiran keibubapaan. Walaupun dewasa ini pihak kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan program khusus yang melibatkan ibu bapa dan penjaga seperti ‘Sarana Ibu Bapa’ dan guru penyayang yang menyambut ketibaan pelajar di pintu pagar sekolah, namun keberhasilan dan penambahbaikan terhadap program tersebut perlu sentiasa dipantau dan dipertingkatkan.

Penyelidik yang akan datang pula boleh menggunakan dapatan ini sebagai rujukan untuk menghasilkan kajian yang lebih sempurna dalam usaha untuk memperbaiki pencapaian akademik para pelajar dalam skop yang lebih meluas.





1.11 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang mempengaruhi kepada pencapaian akademik pelajar sekolah khususnya di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA. Kajian ini memberi fokus kepada pengaruh persekitaran keluarga, konsep sendiri pelajar dan personaliti pelajar mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah harian dalam Tanah Rancangan FELDA yang dipilih oleh penyelidik di Malaysia termasuk di Sabah.

1.12 Batasan Kajian



Kajian ini dilaksanakan hanya menumpukan kepada pelajar-pelajar yang berada di tingkatan dua dan tingkatan empat sahaja yang melibatkan 400 orang responden. Responden pula dipilih daripada Unit Disiplin Sekolah di sekolah-sekolah yang dipilih oleh pengkaji.

Oleh itu, dapatan kajian hanya merujuk kepada populasi yang dikaji. Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan di dalam instrumen kajian sahaja. Dapatan kajian ini hanya berdasarkan data yang diperoleh daripada 400 orang pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA di seluruh negara. Kajian ini hanya mengkaji pemboleh ubah persekitaran keluarga, pemboleh ubah konsep sendiri dan pemboleh ubah personaliti terhadap pencapaian akademik pelajar sahaja. Selain soal selidik yang digunakan, cara



pemerhatian dan temu bual juga boleh digunakan. Walau bagaimanapun, cara pemerhatian dan temu bual tidak dapat digunakan dalam tujuan kajian ini disebabkan bilangan sampel yang digunakan adalah ramai.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Ianya dijalankan sekali sahaja dalam tempoh tertentu. Responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang perkara yang dikaji. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Oleh yang demikian, kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik amat diperlukan. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah sangat bergantung kepada kejujuran jawapan responden dalam memberikan jawapan yang tepat dan benar kepada soal selidik yang diberikan. Responden juga diberi jaminan bahawa segala maklum balas mereka dalam kajian ini adalah dirahsiakan.

1.13 Definisi Konsep dan Operasional

Dalam kajian ini penyelidik akan menerangkan berkaitan beberapa istilah yang diguna pakai bagi menerangkan maksud yang sesuai kepada kajian ini. Ia adalah berkait dengan istilah-istilah yang khusus berhubung dengan kajian yang dijalankan dan mengelakkan daripada berlakunya persepsi yang berbeza daripada apa yang dikehendaki dalam penyelidikan ini. Berikut dijelaskan definisi istilah dan konsep penting yang diguna pakai dalam kajian ini.



1.13.1 Persekitaran Keluarga

1.13.1.1 Definisi Konsep

Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit (kumpulan) yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Freud (1953), pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah atau pun lebih anak (Fontana, 1981). Menurut Gpeda (1988), keluarga adalah satu unit sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak. Manakala Muhd Mansor (1998) pula menyatakan bahawa ibu dan bapa merupakan sama ada ibu bapa biologi atau ibu bapa sosial seperti ibu bapa angkat atau penjaga kepada remaja terbabit.

Keluarga juga berasal daripada bahasa Sanskrit, kula dan warga yang bersatu menjadi “Kulawarga” yang membawa erti “ahli” atau “kumpulan kerabat”. Keluarga sebagai kesatuan sosial terbentuk oleh ikatan dua orang dewasa yang berlainan jenis kelamin iaitu wanita dan lelaki serta anak-anak yang mereka lahirkan. Keluarga adalah satu-satunya situasi yang pertama dikenali sebagai anak, baik semasa prenatal mahupun semasa post-natal. Keluarga inti (*nuclear family*) terdiri daripada ayah, ibu dan anak-anak mereka. Menurut Rog dan Baber (dalam Partowisastro, 1983: ms. 90-91) menyatakan bahawa fungsi keluarga meliputi fungsi biologi, fungsi ekonomi, fungsi pendidikan, fungsi agama, fungsi sosial, fungsi rekreasi dan memberi rasa aman. Kasih sayang yang diterima daripada ibu bapa memberikan rasa aman dan tenteram kepada anak-anak yang akan menimbulkan sukses hidup dalam berkeluarga. Selanjutnya, kerana kasih sayang itu timbul rasa tanggungjawab dan perasaan



berkorban (berbakti) kepada orang tua (Rog & Baber, dalam Partowisastro, 1983: ms. 90-91).

Konteks keluarga dalam kajian ini merujuk kepada situasi dan keadaan dalam sesebuah keluarga yang menjadi penyumbang kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah harian. Konteks keluarga menjurus kepada amalan keibubapaan, interaksi dan komunikasi, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan yang berlaku dalam keluarga dan seterusnya membolehkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak (Cooper et al., 2006). Menurut Bronstein et al. (2003), menyatakan bahawa amalan keibubapaan yang positif mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan sekali gus dapat mengurangkan masalah psikologi dan amalan tidak sihat. Penglibatan ibu bapa memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik pelajar (James, 2003; Hoover-Dempsey & Sandler, 1997; Hoover-Dempsey et al., 2007; Lee, 1999; Desimone, 1999; Fan & Chen, 2001; Fan, 2001; Deslandes & Bertrand, 2005; Garg et al., 2002; Goldscheider et al., 2001). Manakala faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkah laku negatif ialah apabila wujudnya emosi yang tidak gembira hasil daripada faktor persekitaran keluarga seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibu bapa (Steinberg, 2001).

Persekitaran keluarga merujuk kepada keadaan hubungan sosial antara ahli-ahli keluarga iaitu antara ibu bapa, antara ibu bapa dengan anak-anak dan dalam kalangan anak-anak itu sendiri (Moos & Moos, 1993). Mengikut Baldwin dan Baronski (1990) pula menyatakan bahawa persekitaran keluarga adalah corak interaksi keseluruhan antara ahli-ahli dalam sesebuah keluarga, sebagai contohnya

cara-cara yang digunakan oleh ibu bapa dalam membantu perkembangan anak-anak. Corak interaksi ini merangkumi cara berkomunikasi dan layanan yang diberikan kepada anak-anak sepanjang masa.

Menurut Badar et al. (2005), menyatakan bahawa faktor sikap, iklim politeknik dan pengajaran guru merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian kecemerlangan akademik pelajar. Persekitaran merujuk kepada segala benda yang terdapat di sekeliling (Osman, 2004). Dalam kajian ini faktor yang dikaji adalah faktor persekitaran keluarga.

1.13.1.2 Definisi Operasional

1.13.1.2.1 Penglibatan Ibu bapa

Penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak merujuk kepada peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah mahupun di rumah. Penglibatan mengambil kira sama ada hadir ke sekolah, berkomunikasi dengan guru-guru atau membantu tugas sekolah anak-anak di rumah (Christenson et al., 1992; Epstein, 2001). Terminologi penglibatan ibu bapa atau penjaga akan digunakan secara meluas dalam kajian ini. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di sekolah ini diambil kira dalam pelbagai bentuk penyertaan. Ibu bapa boleh memberi sokongan terhadap persekolahan anak-anak dengan menghadiri diri dalam majlis dan program di sekolah. Ibu bapa boleh melibatkan diri dengan membantu anak-anak mereka dalam memperbaiki tugas sekolah termasuklah menyusun jadual dan menyediakan tempat belajar yang sesuai, menunjukkan sikap keperihatinan, memantau kerja rumah dan membimbing



anak-anak dalam pelajaran di rumah. Penglibatan ibu bapa dalam kajian ini hanya mengambil kira pandangan daripada anak-anak mereka sahaja melalui soal selidik yang diberikan. Penglibatan ibu bapa ini juga akan dilihat dalam kedua-dua komponen iaitu penglibatan di rumah mahupun di sekolah.

1.13.1.2.2 Demografik Keluarga

Demografik keluarga merujuk kepada latar belakang kepada seseorang pelajar. Ia melibatkan maklumat asas keluarga. Menurut Jupp (2006) menyatakan bahawa demografik biasanya meliputi ekonomi, sosial, budaya dan dimensi psikologi. Demografik kontemporari kebanyakannya digunakan bagi melihat perkaitan antara keluarga dengan individu yang dikaji. Demografik keluarga dalam kajian ditumpukan kepada asas yang diperlukan bagi mewujudkan penglibatan terhadap pendidikan anak-anak seperti jantina, lokasi sekolah, tahap pendidikan, status keluarga dan bilangan tanggungan dalam sesebuah keluarga.

1.13.1.2.3 Konteks Keluarga

Konteks keluarga merujuk kepada situasi atau keadaan sesebuah keluarga. Ia boleh meliputi emosi, komunikasi, amalan keibubapaan yang positif mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan sekali gus dapat mengurangkan masalah psikologi pelajar. Kajian lalu juga turut membuktikan bahawa anak-anak yang datang dari persekitaran keluarga yang harmoni lebih mudah mengadaptasikan persekitaran, mempunyai nilai budaya sosial yang tinggi dan menekankan nilai keagamaan (Wood



et al., 1988). Namun kajian ini mendefinisikan konteks keluarga sebagai situasi dan keadaan dalam keluarga yang menjadi penyumbang kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA ini. Konteks keluarga dalam kajian ini menjurus kepada amalan keibubapaan, interaksi dan komunikasi, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan yang berlaku dalam keluarga dan seterusnya membolehkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Berikut dijelaskan beberapa terminologi yang akan selalu ditemui dalam kajian ini iaitu;

1.10.1.2.3.1 Interaksi dan komunikasi

Merujuk kepada interaksi dan komunikasi dalam keluarga terutama antara anak-anak dengan ibu bapa yang melibatkan perihal pendidikan. Interaksi dan komunikasi ini boleh berlaku serentak sama ada sehalu atau secara dua hala yang membabitkan pendidikan anak-anak dan penglibatan ibu bapa.

1.10.1.2.3.2 Amalan Keibubapaan

Merujuk kepada tingkah laku dan amalan yang sering dilakukan oleh ibu bapa kepada anak-anak dan ia boleh dijadikan ikutan. Amalan ini berterusan dalam keluarga dan dapat dijadikan teladan kepada pendidikan anak-anak.

1.10.1.2.3.3 Kesenggangan

Merujuk kepada masa lapang yang ada dalam keluarga dan masa yang diperuntukkan oleh ibu bapa untuk bersama anak-anak dan keluarga. Ia juga merujuk kepada bagaimana ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak mereka terutama dalam menitikberatkan pendidikan anak-anak.

1.10.1.2.3.4 Keterbukaan

Merujuk kepada sikap ibu bapa dalam menerima dan memberi maklum balas terhadap pendidikan anak-anak mereka. Kesianaan ibu bapa memberi ruang kepada anak-anak untuk berkongsi idea dan pendapat serta saling menerima pandangan.

1.10.1.2.3.5 Penerimaan

Kesianaan ibu bapa untuk menerima keadaan anak-anak mereka terutama dalam hal yang melibatkan pencapaian akademik. Penerimaan juga melibatkan kesediaan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak tidak mengira tahap kejayaan anak-anak mereka. Selain itu, penerimaan juga merujuk kepada penerimaan ibu bapa akan keupayaan anak-anak mereka dan kesediaan membantu mempertingkatkan pencapaian akademik anak-anak mereka.



1.10.1.2.3.6 Persepsi

Atkinson et al. (1983), mendefinisikan persepsi sebagai proses menyusun dan mentafsir pola-pola rangsangan daripada persekitaran. Persepsi adalah suatu proses mentafsir maklumat yang disedari melalui organ-organ penerima untuk menghasilkan dan membentuk imej tentang persekitaran (Roediger et al., 1984). Persepsi bersifat subjektif. Seseorang mentafsir apa yang dialami dengan berdasarkan kepada keperluan (Ruch, 1984). Persepsi mengalami proses yang unik. Sukar untuk mengetahui bagaimana proses itu berlangsung (Mitchell, 1978).

Kesimpulannya persepsi adalah suatu proses di mana seseorang mentafsir, menduga dan meramalkan sesuatu rangsangan atau peristiwa yang disedari. Persepsi dapat dikenal pasti dan diukur melalui maklum balas seseorang terhadap rangsangan berkenaan baik secara langsung mahupun tidak secara langsung. Secara operasi, persepsi dalam kajian ini adalah persepsi pelajar terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA. Melalui soal selidik yang ditadbir, pelajar akan memberikan persepsi terhadap penglibatan ibu bapa mereka.

1.10.1.2.3.7 Ekspektasi

Ekspektasi bermaksud mengharapkan sesuatu yang dijangkakan pada masa hadapan akan berlaku dan muncul. Ekspektasi dalam kajian ini merujuk kepada harapan yang anak-anak inginkan berkaitan dengan penglibatan ibu bapa mereka (Cooper & Good, 1983). Ekspektasi dalam kajian ini juga merujuk kepada ekspektasi anak-anak tahap menengah terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan mereka.



1.13.2 Konsep Kendiri

1.13.2.1 Definisi Konsep

Konsep kendiri merupakan gambaran seseorang tentang dirinya. Ia merupakan satu imej, idea dan perasaan mengenai seseorang yang sentiasa bergerak dan berubah-ubah. Rogers (1981), menyatakan bahawa konsep kendiri merupakan satu cara pembentukan personaliti individu yang merangkumi aspek pengamatan akan sifat diri dan kebolehannya, hubungannya dengan orang lain dan persekitaran serta objek yang diamati yang mempunyai nilai-nilai positif dan nilai negatif.

Coopersmith (1980), pula menyatakan bahawa konsep kendiri individu yang positif ialah individu yang mempunyai harga diri, menerima diri dan mempunyai pandangan hidup yang lebih baik serta pandai membuat keputusan. Sementara individu yang mempunyai konsep kendiri yang negatif kelihatan tidak gembira, berasa diri tidak berguna, mudah putus asa dan sukar baginya untuk membuat keputusan.

Woolfolk (2000), mentakrifkan konsep kendiri sebagai satu komposit idea, perasaan dan sifat tentang diri mereka sendiri. Konsep kendiri juga satu cara kita cuba menerangkan tentang diri kita sendiri kepada kita ataupun cara membentuk satu skema atau model mengumpul impresi, perasaan dan sikap tentang diri kita sendiri.

James (1890) dalam Smith (1987), telah membahagikan sendiri kepada dua bahagian iaitu:

- a) Kendiri sebagai yang mengetahui, '*the self as knower or I*' yang aktif memproses pengalaman. Ia adalah konsep universal di mana semua orang dapat memproses pengalamannya.
- b) Kendiri sebagai yang diketahui, '*the self as known or me*', iaitu kandungan apa yang dialaminya. Ia adalah konsep yang spesifik kepada individu tersebut.

Kesimpulannya ditakrifkan bahawa konsep sendiri bertindak sebagai pusat kepada pembentukan personaliti seseorang itu. Penilaian sikap, kepercayaan dan persepsi terhadap diri sendiri dirangkumi sekali.

1.13.2.2 Definisi Operasional

Manusia mempunyai suatu gambaran atau pandangan tentang diri sendiri. Gambaran inilah disebut konsep sendiri. Ia merangkumi gambaran tentang rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan dan tingkah laku kita. Konsep sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita.



Untuk membina konsep sendiri seseorang juga menerima penilaian daripada orang lain. Konsep sendiri seseorang meliputi persepsi tentang diri dan alam sekelilingnya melalui derianya dan juga perasaan tentang kebolehannya meliputi keyakinan dan harga dirinya. Konsep sendiri meliputi aspek jasmani dan juga psikologi. Ia juga berkaitan dengan pembelajaran yang dialami semenjak kanak-kanak masih kecil lagi.

Konsep sendiri boleh dianggap sudah menjadi satu perkataan yang biasa diperkatakan oleh orang ramai dalam kehidupan mereka. Tetapi setakat mana seseorang individu faham dan jelas dengan istilah ini bersama dengan struktur-strukturnya jawapannya hanya boleh dirujuk kepada beberapa pengertian dan pendapat oleh ahli-ahli psikologi dan kaunseling.



Menurut Rogers (1951) yang menggunakan Terapi Pusatan-Klien, beliau berpendapat bahawa konsep sendiri adalah terdiri daripada gabungan di antara persepsi individu itu sendiri mengenai dirinya, penilaian individu akan persepsi orang lain terhadap dirinya dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Misalnya, jika seseorang individu mempunyai konsep sendiri yang dirinya adalah seorang yang baik dan bila berada di dalam sesuatu persekitaran, dia dilayan dan diberi perhatian sebagaimana yang sepatutnya diberikan kepada orang baik.

Melalui kajian ini, konsep sendiri dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu konsep sendiri aspek fizikal, konsep sendiri aspek psikologikal, konsep sendiri sosial, konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Melalui soal selidik Skala





Konsep Kendiri Tennessee yang perlu dijawab oleh semua responden dalam kajian ini yang meliputi aspek-aspek konsep kendiri seperti berikut ;

- a) Konsep kendiri fizikal. Ini adalah pandangan individu tentang tubuh badan, kesihatan, perawakan fizikal dan kemahirannya.
- b) Konsep Kendiri aspek psikologikal. Ini adalah gambaran tentang tingkah laku diri serta harapannya, cara individu tersebut berfikir dan bertindak.
- c) Konsep kendiri aspek sosial. Ini adalah gambaran tentang kehidupan sosial diri termasuk sifat interaksi dan pandangannya tentang diri yang menyentuh aspek perhubungan dengan orang lain seperti dengan ahli keluarga, guru-guru, rakan-rakan dan lain-lain.
- d) Konsep kendiri positif. Ini adalah individu yang sentiasa menerima layanan dan perhatian yang baik sama ada daripada ibu bapa sendiri, keluarga, guru, rakan-rakan mahupun orang yang berada di persekitarannya.
- e) Konsep kendiri negatif. Ini adalah individu yang sering dikaitkan dengan kegagalan.

i) Konsep Kendiri Aspek Fizikal

Konsep kendiri aspek fizikal merupakan gambaran tentang fizikal diri daripada aspek keadaan kesihatan, bentuk badan dan rupa paras. Sebagai contohnya, sama ada



seseorang menganggap dirinya sihat atau berpenyakit, menganggap dirinya menarik dan lain-lain lagi.

ii) Konsep Kendiri Aspek Psikologikal

Konsep kendiri aspek psikologikal merupakan gambaran tentang tingkah laku diri serta harapannya, cara individu tersebut berfikir dan bertindak. Sebagai contohnya sama ada seseorang itu menganggap dirinya berfikir dan bertindak secara positif atau negatif, mengharapkan sesuatu yang baik atau buruk dan melakukan sesuatu yang berfaedah atau sebaliknya.

iii) Konsep Kendiri Aspek Sosial

Konsep kendiri aspek sosial merupakan gambaran tentang kehidupan sosial diri termasuk sifat interaksinya dengan ahli keluarga, guru-guru, rakan-rakan dan lain-lain. Ianya merangkumi tanggapan diri terhadap kebolehan dan kemahirannya bergaul dengan orang lain. Sebagai contohnya sama ada seseorang itu menganggap dirinya disayangi, diminati ataupun mudah bergaul dan berinteraksi dengan orang lain.

iv) Konsep Kendiri Positif

Jika kita perhatikan seseorang yang sering dikaitkan dengan kejayaan dalam hidup ialah mereka yang dapat membina konsep kendiri yang positif. Mereka yang mempunyai konsep kendiri yang positif ini sentiasa menerima layanan dan perhatian yang baik sama ada daripada ibu bapa sendiri, keluarga, guru, rakan-rakan mahupun orang yang berada di persekitarannya. Individu ini akan sentiasa mengalami lebih banyak kejayaan berbanding dengan kegagalan. Individu ini juga sering berasa



gembira, berkeyakinan dan mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap dirinya sendiri untuk melakukan sesuatu. Individu ini juga tidak mudah melatah atau mengalah dan sanggup menghadapi sebarang cabaran dan dugaan dan sekiranya berlaku kegagalan, akan di terimanya dengan tenang dan tabah. Selain itu, individu ini bersifat optimistik, lebih terbuka sikapnya serta sedia menerima pendapat dan kritikan orang lain. Dia juga bersifat lebih santai, mudah berinteraksi dengan orang lain serta senang didampingi. Individu ini sentiasa tenang dan stabil serta seimbang dari segi emosi.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi terbentuknya konsep sendiri yang positif di dalam diri seseorang individu. Pertamanya ialah sentiasa memperoleh ganjaran yang positif seperti pujian yang membina, hadiah dan sebagainya sejak dari kecil apabila melakukan sesuatu sama ada mendapat kejayaan mahupun kegagalan. Peneguhan yang paling berkesan adalah datangnya daripada ibu bapa kerana mereka merupakan orang yang paling dekat dengan individu tersebut.

Individu yang sentiasa mendapat kasih sayang dan layanan yang baik daripada ibu bapa dan keluarga juga berkemungkinan besar akan dapat membentuk konsep sendiri yang positif. Ini kerana individu tersebut tidak akan merasa kekurangan dan kekosongan dalam hidupnya. Mereka akan sentiasa merasa dihargai dan merasa ada orang yang ada bersama-samanya dalam melakukan sesuatu. Keadaan dan persekitaran keluarga juga turut mempengaruhi seseorang individu dalam membentuk konsep sendiri yang positif. Keadaan keluarga yang stabil dan harmoni akan membantu seseorang membina konsep sendiri yang baik. Sekiranya keluarga berada dalam keadaan yang harmonis dan ceria, setiap daripada ahli keluarga berada dalam





keadaan yang harmonis dan ceria, setiap daripada ahli keluarga akan berasa selamat dan gembira dilahirkan dalam keluarga tersebut. Selain itu, individu yang sering mendapat pengiktirafan sama ada daripada ibu bapa, guru dan rakan-rakannya berjaya membentuk konsep sendiri positif. Individu ini akan sentiasa dalam keadaan riang dan gembira kerana dapat membuatkan orang yang berada di persekitarannya mempercayai dan yakin dengan kebolehannya. Selain daripada itu keyakinan yang tinggi yang ada dalam diri individu sendiri juga dapat membentuk konsep sendiri yang positif dalam dirinya. Ini kerana kepercayaan yang kuat dan teguh kepada diri sendiri akan menyebabkan individu terbabit akan berusaha untuk melakukan yang terbaik untuk dirinya tanpa berasa takut dan malu apabila mengalami kegagalan.

v) Konsep Kendiri Negatif



Jika dilihat pula individu yang sering dikaitkan dengan kegagalan sama ada dalam apa bidang sekalipun biasanya tidak lari daripada mempunyai konsep sendiri yang negatif. Berbeza penampilannya dengan individu yang mempunyai konsep sendiri yang positif di mana individu jenis ini akan sentiasa berasa tidak puas hati, tidak gembira, cepat merajuk serta perasaannya mudah tersinggung.

Individu seperti ini sering dimarahi ataupun dikritik sama ada oleh ibu bapa, guru, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang berada di persekitarannya. Mereka juga kurang menerima kasih sayang atau perhatian. Mereka biasanya kurang diterima oleh guru, rakan sebaya mahupun orang lain. Keadaan ini akan memburukkan lagi keadaan di mana individu tersebut akan berasa dirinya mempunyai aras keyakinan yang rendah. Seterusnya keadaan ini akan menyebabkan individu berkenaan akan





membentuk sifat rendah diri dalam dirinya. Akibat daripada itu, individu tersebut akan menjadi seorang yang pasif, sentiasa dalam keadaan yang muram dan tidak mudah untuk bergaul dengan orang lain atau tidak mahu bersosialisasi dengan persekitarannya. Mereka yang tergolong dalam golongan individu yang mempunyai konsep sendiri negatif ini lazimnya suka melakukan kerja-kerja yang mudah dan senang untuk menjamin kejayaan. Mereka juga suka bergaul dan bermain dengan individu yang lebih muda darinya dan yang mempunyai kemampuan intelektual yang rendah. Individu ini juga amat mudah dipermainkan dan dimanipulasi oleh orang lain.

Seperti mana yang kita ketahui bahawa seorang individu yang baru dilahirkan masih belum mempunyai konsep sendiri. Konsep sendiri yang kita ketahui terbentuk daripada proses berinteraksi dengan orang lain sama ada konsep sendiri positif ataupun konsep sendiri negatif. Konsep sendiri yang negatif lahir daripada kurangnya kasih sayang, perhatian dan belaian daripada ibu bapa, guru ataupun orang dewasa yang lain. Ini mengakibatkan wujudnya perasaan tidak dipunyai serta kekurangan dalam diri individu tersebut. Melalui perasaan ini akan lahirlah suatu penerimaan yang negatif dalam diri dan akhirnya akan membentuk satu yang dinamakan konsep sendiri yang negatif.

Suasana keluarga juga memainkan peranan yang boleh mendorong kepada pembentukan konsep sendiri. Sekiranya suasana keluarga yang bahagia dan harmoni akan dapat membentuk konsep sendiri yang positif maka keadaan keluarga yang sebaliknya pula akan membentuk konsep sendiri yang negatif. Ini kerana keadaan keluarganya yang kucar kacir serta dengan keadaan ibu bapa yang sering bergaduh dan tidak memberikan perhatian dan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak





akan menyebabkan anak-anak yang sedang membesar berasa tidak selamat berada dalam keluarga tersebut. Perasaan ini pula akan menyebabkan anak-anak sentiasa dalam keadaan ketakutan serta kerunsingan dan seterusnya akan terbentuklah konsep sendiri yang negatif.

Keadaan sosioekonomi keluarga yang rendah berbanding dengan keluarga lain juga mengakibatkan terbentuknya konsep sendiri yang negatif. Individu tersebut akan berasa rendah diri kerana keperluan dan kehendaknya tidak dapat dipenuhi oleh keluarganya seperti keluarga yang lain. Seterusnya aspek fizikal yang tidak sempurna juga dapat membentuk konsep sendiri yang negatif. Kecacatan yang dimiliki akan dirasakan sebagai penghalang kepadanya untuk bergaul dan menyertai aktiviti-aktiviti seperti orang lain. Keadaan ini akan menyebabkan individu tersebut akan berasa rendah diri dan merasakan bahawa dirinya tidak berguna kepada orang lain.

Kesimpulannya konsep sendiri adalah dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Konsep sendiri bergantung pada interaksi sosial seseorang yang mempengaruhi persekitaran. Dalam hal ini semakin banyak seseorang bergaul maka pengalamannya juga akan bertambah. Rogers (1951), telah menyatakan bahawa manusia itu memang mempunyai potensi untuk menuju ke arah kesempurnaan sendiri dengan syarat seseorang itu harus mempunyai keyakinan terhadap dirinya. Dengan ini adalah penting untuk seseorang memiliki konsep sendiri yang baik yang akan membantunya menuju ke arah kesempurnaan sendiri bagi menjamin kehidupan yang lebih bermakna. Usaha meningkatkan konsep sendiri perlu terus dijalankan agar pelajar dapat menempuh masa depan dengan penuh cemerlang.



1.13.3 Personaliti

1.13.3.1 Definisi Konsep

Setiap individu adalah unik. Tiada seorang pun yang benar-benar sama dengan orang lain. Perbezaan ini wujud kerana setiap manusia mempunyai personaliti yang tersendiri. Personaliti melambangkan ciri-ciri keperibadian individu iaitu kecenderungan seseorang untuk bertingkah laku mengikut cara tertentu. Personaliti membantu mengesan had-had kejayaan, kebahagiaan dan pencapaian di dalam kehidupan seseorang. Ia adalah salah satu aset penting dalam diri kerana ia telah membantu membentuk kehidupan selama ini dan akan terus berbuat demikian pada masa akan datang. Dalam kehidupan kita seharian, biasanya kita dapat mengetahui personaliti seseorang melalui gaya percakapannya, cara bertindak dan tingkah lakunya (Habibah & Noran Fauziah, 2002). Sebagai contoh, seorang guru dapat mengenali personaliti anak-anak didiknya melalui interaksi yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Larsen & Buss, 2008).

Personaliti selalunya dikaitkan dengan perwatakan. Personaliti seseorang hanya dapat dikaji melalui tingkah laku, percakapan dan cara menyelesaikan masalah. Kita tidak akan mengetahui personaliti seseorang tanpa berinteraksi dengannya. Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan untuk menentukan personaliti seseorang. Cara yang selalu digunakan ialah melalui kaedah pemerhatian dan temu bual. Personaliti juga boleh diukur dengan menggunakan ujian ataupun inventori personaliti. Terdapat banyak ujian atau inventori dalam pasaran. Ada ujian seperti



Minnesota Multiphasic Personality Inventory (MMPI) memerlukan pengguna dengan syarat kelayakan yang ditetapkan.

Personaliti boleh dirujuk sebagai ciri-ciri luaran kita yang boleh diperhatikan oleh orang lain. Ia sama dengan '*impression*' kita kepada orang lain. Personaliti dikaitkan dengan ciri-ciri yang kekal yang ada pada seseorang individu, di mana personaliti adalah stabil dan boleh diramal. Walaupun kita mengenali seseorang rakan kita sebagai bersifat tenang pada kebanyakan masa, kita tidak tahu bahawa dia akan berasa meluap, gugup atau panik pada masa-masa tertentu. Personaliti tidak bersifat kaku dan tidak boleh berubah tetapi boleh berubah mengikut situasi. Kebanyakan ahli psikologi personaliti bersetuju bahawa trait personaliti dan aspek-aspek yang berubah dalam satu-satu situasi atau interaksi antara kedua-dua ini seharusnya dipertimbangkan dalam satu penyelesaian yang menyeluruh tentang sifat manusia (Schultz & Schultz, 1997).

Definisi ini juga membawa maksud bahawa beberapa aspek penting bagi seseorang manusia itu cuba disembunyikan atas sebab-sebab yang tertentu. Personaliti seseorang dilihat sebagai sesuatu yang unik dan membezakannya dengan seseorang individu yang lain. Aspek tersebut dipanggil perbezaan individu. Personaliti adalah gambaran keseluruhan tentang tingkah laku yang tersusun yang boleh meramalkan apa yang akan dilakukan oleh individu secara luaran dan dalaman. Personaliti melambangkan ciri keperibadian individu iaitu kecenderungan seorang untuk bertingkah laku mengikut cara tertentu.





Menurut Mishel (1968) dan Shahabuddin (2003), personaliti didefinisikan sebagai suatu susunan pola-pola tingkah laku seseorang individu yang dijemakan dalam kehidupan. Pola-pola tersebut dipraktikkan di dalam kehidupan seharian. Beliau juga berpendapat bahawa personaliti ialah cara kehidupan seseorang individu atau cara ia bertindak balas terhadap persekitaran dan matlamat hidupnya.

Menurut Allport (1961), menyimpulkan bahawa personaliti sebagai suatu organisma sistem psikologi dan kejasmanian yang dinamik dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaiannya dengan alam sekeliling dengan cara yang unik. Ini disebabkan dalam diri seseorang itu terdapat sistem psikologi dan sistem jasmani. Sistem-sistem ini diuruskan dengan cara yang dinamik iaitu mempunyai sifat yang berubah-ubah daripada satu peringkat kepada satu peringkat perkembangan yang lain walaupun sifat keseluruhan masih dikekalkan. Personaliti adalah suatu sistem psikofizikal yang dinamik. Sistem psikofizikal yang dinamik ini akan memberi garis panduan kepada seseorang individu bagi menentukan ciri-ciri tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikal (Shahabuddin et al., 2003).

Allport (1971), menyatakan juga bahawa personaliti adalah sesuatu yang sebenar dalam diri seorang individu yang boleh membimbing ciri-ciri tingkah laku dan pemikirannya. Menurutnya juga, personaliti seseorang adalah merupakan satu organisasi sistem psikologi dan fizikal yang dinamik dari satu peringkat ke peringkat perkembangan yang lain.



Eysenck (1947), mendefinisikan personaliti sebagai satu organisasi yang agak stabil dan berkekalan ciri-ciri emosi, fizikal, intelek seorang individu yang menentukan penyesuaiannya yang unik kepada persekitaran. Definisi ini menitik beratkan trait iaitu ciri-ciri yang stabil dan berkekalan dan bila trait ini dikumpulkan ia akan menjadi 'type' dalam erti kata lain, koleksi trait personaliti selalunya wujud bersama dan menyumbang kepada 'type' personaliti. Personaliti juga merujuk kepada sistem kecenderungan bertingkah laku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari (Siti Fatimah, 1993).

Personaliti adalah sebagai corak keseluruhan seseorang individu yang merangkumi cara berfikir, berasa, bertingkah laku dan cara berhubungnya dengan alam sekitar (Kagan, 1988). Personaliti adalah apa yang sebenarnya terdapat dalam diri seseorang (Gordon, 1973). Personaliti merupakan organisasi dinamik sistem psikofizikal pada seseorang individu yang menentukan tingkah laku dan fikirannya yang khusus. Sistem psikofizikal merujuk kepada tabiat, sikap, nilai, kepercayaan, kebiasaan emosi dan sentimen yang terdapat dalam bentuk psikologi tetapi mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf dan tubuh badan. Menurut Ee (1997), menyatakan bahawa personaliti merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan yang merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Oleh itu, boleh lah dirumuskan bahawa personaliti merujuk kepada perwatakan dan tindakan individu bergantung pada keadaan, situasi dan juga persekitaran. Personaliti manusia boleh diperhati, dikenal pasti dan seterusnya boleh diperihalkan (Asmah & Herman, 1995).



Personaliti juga adalah salah satu faktor yang mempunyai kaitan dengan keunikan manusia (Fiest, 1998). Tidak kiralah sama ada aspek luaran ataupun aspek dalaman individu itu seperti kata pepatah “rambut sama hitam tetapi hati lain-lain” (Zawani, 2007). Hal ini kerana setiap manusia dilahirkan mempunyai persamaan dan perbezaan yang tersendiri.

Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya. Mischel (1999), menyatakan bahawa personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal setiap individu yang menentukan tingkah laku dan pemikiran. Personaliti dapat dibayangkan oleh kecenderungannya sendiri untuk bertingkah laku mengikut cara tertentu (Kamaruddin, 1996). Pervin (1990) pula mentakrifkan personaliti sebagai cara individu berinteraksi di antara satu sama lain atau juga dalam bentuk peranan yang dikaitkan dan diamalkan oleh seseorang individu di dalam masyarakat. Personaliti positif yang ditunjukkan secara konsisten mampu menentukan persekitaran dan aktiviti pembelajaran yang kondusif, berdaya saing dalam pendidikan para pelajar dan juga memberi impak yang positif terhadap tahap pencapaian akademik mereka dengan sebaik mungkin. Personaliti dapat menentukan identiti sosial pelajar dan menjurus kepada pemahaman dan penerimaan pembelajaran yang lebih baik (Ana-Maria et al., 2011).

Kesimpulannya, secara umumnya personaliti seseorang merangkumi segala yang membentuk diri individu termasuk wajah, fungsian fizikal, kebolehan, tabiat dan tingkah laku, kebolehan berinteraksi dan persepsi sendiri (Mischel, 1993). Konstruk personaliti merupakan perbezaan manusia yang boleh mempengaruhi bidang tingkah



laku yang luas dalam pelbagai situasi. Personaliti adalah stabil iaitu individu tidak berubah menjadi orang yang berbeza dari hari ke hari, ia tersusun, sifat-sifatnya saling berhubung dan personalitinya terbentuk hasil daripada interaksi antara mekanisme biologi semula jadi dan persekitaran. Mischel (1993) merumuskan bahawa setiap individu dipengaruhi banyak unsur dan tingkah laku manusia mencerminkan interaksi yang berterusan daripada pelbagai tekanan sama ada berpunca daripada diri individu tersebut atau daripada persekitaran dan suasana.

1.13.3.2 Definisi Operasional

Menurut Kamus Dewan (2001), personaliti bermaksud keperibadian atau peribadi. Personaliti berasal daripada perkataan Latin “Pesona”, yang membawa maksud topeng atau pelindung muka iaitu merujuk kepada penampilan luaran seseorang individu. Pelakon yang memakai topeng hero akan melakonkan watak yang baik dan pelakon yang memakai topeng penjahat akan melakonkan watak jahat. Jadi, personaliti ialah perkaitan antara pemikiran, emosi, perasaan, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya dengan perlakuan manusia (Hergenhahn & Olson, 1999). Personaliti membolehkan seseorang itu lebih efektif untuk bersosial kerana individu tersebut dilihat sebagai orang yang mempunyai personaliti yang menarik, teruk atau langsung tiada personaliti. Apabila personaliti dikaitkan dengan perkataan asalnya iaitu *persona* yang bermaksud topeng, personaliti lebih mencerminkan aspek diri sendiri yang dipilih untuk dipamerkan kepada dunia.



Personaliti selalunya dikaitkan dengan perwatakan. Personaliti seseorang hanya dapat dikaji melalui tingkah laku, percakapan dan cara menyelesaikan masalah. Kita tidak akan mengetahui personaliti seseorang tanpa berinteraksi dengannya. Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan untuk menentukan personaliti seseorang. Cara yang selalu digunakan ialah melalui pemerhatian dan temu bual. Personaliti juga boleh dirujuk sebagai ciri-ciri yang kekal yang ada pada seseorang individu, di mana personaliti adalah stabil dan boleh diramal. Walaupun kita mengenali seseorang rakan kita sebagai bersifat tenang pada kebanyakan masa, kita tahu bahawa dia akan merasa meluap, gugup atau panik pada masa-masa tertentu. Personaliti tidak bersifat kaku dan tidak boleh berubah tetapi boleh berubah mengikut situasi.



dengan sistem psikologi setiap individu yang menentukan kesesuaian tingkah laku dan pemikiran terhadap persekitaran (Robbin & Judge, 2007). Dalam kajian ini personaliti merupakan tindak-tanduk seseorang yang ingin menzahirkan ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran. Personaliti memainkan peranan penting seseorang daripada sudut pandangan luaran dengan menonjolkan karakter-karakter yang tersendiri. Lima dimensi personaliti yang merangkumi ekstrasversi, neurotik, sependapat, berterus-terang dan kesedaran (John & Srivastava, 1999) :

i) Ekstrasversi (*Extraversion*)

Ekstrasversi merupakan responden yang penuh bertenaga dan positif dan menekankan tahap keselesaan terhadap sesuatu perhubungan.



ii) Neurotik (*Neurotic*)

Neurotik merujuk kepada sifat yang berlawanan dengan kestabilan emosi seperti mudah risau, mudah hilang sabar, sentiasa berada dalam tekanan dan mudah marah.

iii) Sependapat (*Agreeable*)

Sependapat merujuk kepada responden yang senang untuk bekerjasama dan mempunyai pandangan yang optimistik terhadap manusia, senang melihat kepada kebaikan seseorang dan mudah mengekalkan sesuatu perhubungan.

iv) Berterus-terang (*Openness*)

Berterus-terang merujuk kepada responden yang mempunyai sikap atau minda yang terbuka terhadap sesuatu perkara atau pandangan serta mempunyai perasaan ingin tahu yang mendalam.

v) Kesedaran (*Conscientiousness*)

Kesedaran merujuk kepada ciri personaliti apabila seseorang responden berhati-hati semasa membuat keputusan. Ia merupakan kualiti yang wujud mengikut kesedaran minda manusia.

Melalui kajian ini, Inventori Personaliti Eysenck Junior (JEPI) membahagikan personaliti manusia kepada beberapa bahagian berdasarkan item-item yang terkandung dalam soal selidik iaitu ;



i) Soalan 1 hingga 23

Bagi soalan 1 hingga 18, adakah responden mempunyai ciri-ciri personaliti ekstroversi yang positif manakala bagi soalan 18 hingga 23 pula menjelaskan bahawa adakah responden mempunyai ciri-ciri personaliti ekstroversi yang negatif.

ii) Soalan 24 hingga 40

Bagi soalan 24 hingga 40 ini menjelaskan bahawa adakah responden mempunyai ciri-ciri personaliti neurotisme yang positif.

Personaliti merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhannya. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Selain itu, personaliti juga merujuk kepada perwatakan dan tindakan individu bergantung pada keadaan, situasi dan juga persekitaran.

Secara rumusannya, personaliti seseorang adalah unik jika dibandingkan dengan personaliti individu yang lain, walaupun individu-individu terbabit berada dalam lingkungan persekitaran yang sama. Umumnya, ciri-ciri personaliti individu adalah tetap dalam sesuatu jangka masa tertentu. Ini kerana, sesuatu perwatakan yang terbentuk itu akan dapat dikesan serta diperhatikan dengan jelas pada situasi yang tertentu. Oleh itu dapat difahami bahawa personaliti ialah ciri-ciri keseluruhan tingkah laku seseorang manusia sama ada dapat dilihat ataupun tidak dapat dilihat.



1.13.4 Pencapaian Akademik

1.13.4.1 Definisi Konsep

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mentakrifkan pencapaian bererti apa yang telah dicapai atau prestasi. Akademik pula membawa maksud berkaitan dengan akademi iaitu pusat pengajian tinggi dan bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan.

Pencapaian akademik lebih berfokus kepada gred yang diperoleh oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan yang didudukinya. Sekiranya seseorang pelajar itu mencapai gred yang baik, ini bermakna mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan begitulah sebaliknya. Pencapaian akademik pelajar adalah perkara yang berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada mata nilai yang tertinggi yang dapat dikumpul oleh individu tersebut, yakni sesuatu yang dapat dilihat dan diukur nilainya (Hafizah, 2015).

Akademik adalah merujuk kepada pendidikan formal. Perkataan pencapaian pula bermaksud tingkat kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik (Wallman, 1969). Kerlinger (1973), pula menyatakan bahawa pencapaian akademik merujuk kepada skor atau gred-gred yang diperoleh atau dicapai oleh pelajar dalam sesuatu ujian atau peperiksaan umum. Dalam kajian menurut Mohd Majid dalam Abdul Aziz dan Ahmad (2008), menjelaskan bahawa ujian pencapaian mengandungi set rangsangan yang mengukur penguasaan dan kemahiran individu dalam bidang yang



khusus. Menurut Zulkarnain et al. (2006), pencapaian bermaksud kejayaan atau kegagalan pelajar bagi satu-satu ujian, peperiksaan dalam sekolah atau peperiksaan piawai yang direkabentuk, ditadbir, diberi markah dan diinterpretasikan oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut khasnya untuk penilaian di sesebuah negara ini.

Menurut Mohd Zakaria (2007), menyatakan bahawa pencapaian akademik lebih memberi fokus kepada gred yang diperoleh seseorang pelajar dalam peperiksaan yang didudukinya. Dalam ini penyelidik memilih pencapaian berdasarkan keputusan akhir peperiksaan responden.

Carter (1973), mentakrifkan bahawa pencapaian adalah sebagai penyelesaian atau kecekapan pencapaian yang diperoleh dalam sesuatu kemahiran, pengetahuan atau kemajuan yang diperoleh secara semula jadi yang tidak terlalu bergantung pada kecerdasan akal fikiran. Secara umumnya pencapaian akademik adalah penentu kepada taraf pencapaian individu dalam suatu peperiksaan rasmi yang diambil dan peperiksaan awam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia atau institusi pendidikan (Falsafah dan pendidikan di Malaysia, 2008).

Azman (1994),pula menyatakan bahawa pencapaian akademik merupakan apa yang dihasilkan atau yang diperoleh oleh seseorang dalam sesuatu pelajaran. Dalam kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan ialah gred yang diperoleh oleh pelajar untuk kesemua mata pelajaran yang diambil. Menurut Mohamad, (2012), menyatakan bahawa pencapaian akademik adalah hasil perolehan setelah berusaha dan kecemerlangan akademik pelajar dalam penyelidikan ini merujuk kepada markah





atau tahap keputusan yang diperoleh oleh pelajar dalam sesuatu proses penilaian sama ada secara teori, amali ataupun latihan industri.

1.13.4.2 Definisi Operasional

Akademik adalah merujuk kepada pendidikan formal. Perkataan pencapaian pula bermaksud tingkat kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik. Dalam kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah keupayaan dan kemampuan pelajar dari segi kesediaan sikap, tingkah laku dan emosi pelajar berusaha untuk mendapatkan pencapaian yang baik bagi setiap mata pelajaran yang diuji. Keupayaan dan kemampuan pelajar apabila pelajar dapat menguasai sikap, tingkah laku dan emosi mereka seperti di bawah;

- i) Kesediaan menerima arahan guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.
- ii) Kesediaan mengikuti semua sesi perbincangan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.
- iii) Kesediaan mempelajari sesuatu pengetahuan yang baru.
- iv) Kesediaan memahami sesuatu pengetahuan yang baru.
- v) Kesediaan memiliki kualiti kemahiran membaca.
- vi) Kesediaan memiliki kualiti kemahiran bercakap.
- vii) Kesediaan melakukan kerja bertulis tanpa had.
- viii) Kesediaan mengambil lebih banyak masa untuk menyelesaikan tugas daripada rakan sekelas.



- ix) Kesiediaan memberi perhatian dalam kelas tanpa bantuan.
- x) Kesiediaan memerlukan bantuan dalam menyelesaikan tugas kerja sekolah.
- xi) Kesiediaan memahami arahan terlebih dahulu sebelum mula menulis kerja sekolah.
- xii) Kesiediaan menangani masalah kesulitan mengikuti pelajaran yang tertinggal.
- xiii) Kesiediaan cenderung untuk bertindak balas secara emosional dalam kelas.

Kesimpulan secara operasinya penentuan pencapaian akademik dalam kajian ini bermaksud kesiediaan mereka terhadap sikap, tingkah laku dan emosi mereka bagi mendapatkan keputusan yang baik bagi setiap mata pelajaran yang diuji berdasarkan kepada kesiediaan yang telah dinyatakan tersebut.

1.14 Rumusan

Dalam bahagian ini pengkaji telah mengemukakan secara ringkas tentang latar belakang dan permasalahan kajian. Pengkaji juga telah mengemukakan kerangka kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan akhir sekali berkaitan definisi konsep dan definisi operasional kajian yang digunakan sebagai asas dan panduan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan gambaran awal mengenai perkaitan di antara persekitaran keluarga, konsep sendiri dan personaliti



pelajar termasuk perbezaan pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut dengan jantina dan lokasi terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian dalam kawasan Tanah Rancangan FELDA di seluruh negara. Adalah diharapkan akan dapat memberikan gambaran yang tepat untuk menilai sama ada pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut memberikan kesan terhadap tingkah laku seseorang pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Tanah Rancangan FELDA.

